



MALAYSIA

PENYATA RASMI
OFFICIAL REPORT

DEWAN NEGARA
SENATE

PARLIMEN KETIGA
Third Parliament

PENGGAL PARLIMEN KEEMPAT
Fourth Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN [Ruangan 889]

USUL-USUL:

Waktu Mesyuarat dan Urusan Yang dibebaskan daripada Peraturan Mesyuarat dan Penangguhan [Ruangan 893]

Aturan Urusan Mesyuarat—Perubahan [Ruangan 909]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Bank Simpanan Nasional [Ruangan 893]

Rang Undang-undang Kanun Tanah Negara (Pindaan) [Ruangan 910]

Rang Undang-undang Pelajaran (Pindaan) [Ruangan 938]

Rang Undang-undang Bahan Letupan (Pindaan) [Ruangan 962]

Rang Undang-undang Senjata (Pindaan) [Ruangan 964]

Rang Undang-undang Pembasmi Malaria (Pindaan) [Ruangan 971]

DICETAK OLEH

MOHD. DAUD BIN ABDUL RAHMAN, J.S.M., KETUA PENGARAH PERCETAKAN
SEMANJUNG MALAYSIA, KUALA LUMPUR

1975

MALAYSIA

PARLIMEN YANG KETIGA—DEWAN NEGARA

Penyata Rasmi

PENGGAL YANG KEEMPAT

Hari Selasa, 30hb Julai, 1974

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

YANG HADIR :

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI OMAR YOKE-LIN ONG, P.M.N. (Dilantik).
- „ Peguam Negara, TAN SRI ABDUL KADIR BIN YUSOF, P.M.N., S.P.M.J., P.J.K. (Dilantik).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan, TUAN LAW HIENG DING (Dilantik).
- „ Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, TAN SRI S. O. K. UBaidULLA, P.S.M., D.P.M.S., J.M.N. (Dilantik).
- „ TUAN ABDULLAH BIN DATUK HAJI ABDUL RAHMAN, J.M.N., S.M.J. (Johor).
- „ TUAN ABDUL RAHIM BIN ABDUL MANAN, A.M.N., P.J.K. (Negri Sembilan).
- „ DATUK HAJI ABDUL RAZAK BIN HAJI HUSSIN, D.S.W., J.S.M. (Dilantik).
- „ TUAN ABDUL SAMAD BIN OSMAN (Dilantik).
- „ TUAN ABU BAKAR BIN AHMAD, S.M.T., P.J.K. (Trengganu).
- „ TUAN HAJI ABU BAKAR BIN HAMZAH, J.P. (Kelantan).
- „ TUAN A. ARUNASALAM, A.M.N. (Dilantik).
- „ DATUK CHAN KWONG HON, D.P.M.S., J.M.N., S.M.S., J.P. (Selangor).
- „ DATUK DR CHEAH TOON LOK, D.P.M.K., D.M.K., J.M.N., J.P. (Dilantik).
- „ DATUK CHONG FOO KHIN, D.S.K.D., P.J.K., J.P. (Negri Sembilan).
- „ TUAN CHUA CHING CHENG, P.J.K. (Melaka).
- „ DATUK J. E. S. CRAWFORD, D.P.M.P., S.P.M.P., J.M.N., J.P., Datuk Kurnia Indera (Dilantik).
- „ PUAN DASIMAH DASIR, A.M.N., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN AWANG DAUD BIN MATUSIN (Dilantik).
- „ TUAN HAJI DZULKIFLI BIN DATUK HAJI ABDUL HAMID (Dilantik).
- „ DATUK FOO SEE MOI, D.P.M.K., J.P. (Dilantik).
- „ TAN SRI GAN TECK YEOW, P.S.M., J.M.N. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI HASSAN BIN HAJI YAAKUB, J.P. (Melaka).
- „ DATUK NIK HASSAN BIN HAJI NIK YAHYA, D.J.M.K., J.M.N., P.M.K. (Dilantik).

- Yang Berhormat DATUK SYED HASSAN AIDID, D.P.M.N., J.M.N., P.J.K., J.P. (Pulau Pinang).
- .. DATUK WAN IBRAHIM BIN WAN TANJONG, J.M.N., P.J.K., Orang Kaya Indera Maharaja Purba Jelai (Pahang).
- .. TUAN IBRAHIM BIN HAJI YAACOB, P.J.K. (Selangor).
- .. TUAN ISMAIL BIN SHEIKH IBRAHIM, P.P.N. (Perlis).
- .. TUAN HAJI C. D. ISMAIL, J.M.N., J.P. (Dilantik).
- .. TUAN KAMARUL ARIFFIN BIN MOHD. YASSIN (Dilantik).
- .. TUAN THOMAS KANA, K.M.N. (Dilantik).
- .. TUAN LEW SIP HON (Dilantik).
- .. DR LIM AH SITT, P.I.S. (Johor).
- .. TUAN G. LOUIS, J.P. (Dilantik).
- .. DATUK MANSOR BIN MOHAMAD, D.P.M.T., A.M.N. (Trengganu).
- .. TUAN HAJI MOHD. SAAID BIN HAJI ABU BAKAR (Dilantik).
- .. DATUK NGAU KEN LOCK, J.M.N., P.J.K., J.P., Datuk Kurnia Panglima Raja (Pahang).
- .. TUAN OH SIEW AUN, J.P. (Pulau Pinang).
- .. TUAN OOI ENG HONG (Kedah).
- .. TUAN HAJI OTHMAN BIN HAJI ABDULLAH, P.C.M. (Perak).
- .. TOK PANGKU PANDAK HAMID BIN PUTEH JALI, P.J.K. (Dilantik).
- .. DATUK V. PONNUSAMY PILLAI, D.P.M.P., K.M.N., P.M.P., P.J.K., J.P. (Dilantik).
- .. TUAN SHAARI BIN JUSOH, P.P.N. (Perlis).
- .. WAN SULAIMAN BIN WAN TAM, P.J.K. (Dilantik).
- .. TUAN YEAP KHENG YAM, P.J.K. (Perak).
- .. TUAN ZAINUDDIN BIN HAJI MOHD. SIDIN, P.J.K. (Dilantik).

YANG TIDAK HADIR:

- Yang Berhormat Menteri Kebajikan Am. PUAN AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI, J.M.N. (Dilantik).
- .. Timbalan Menteri Perhubungan. DATUK WONG SENG CHOW, A.M.N., J.P. (Dilantik).
- .. TAN SRI HAJI ABDUL HAMID KHAN BIN HAJI SAKHAWAT ALI KHAN, P.M.N., J.P. (Dilantik).
- .. TUAN AMALUDDIN BIN DARUS, P.M.K., J.P. (Kelantan).
- .. DATUK SYED KECHIK BIN SYED MOHAMED, P.G.D.K. (Sabah).
- .. DATUK KHOO SIAK CHEW, S.P.D.K. (Sabah).
- .. DR LIM KENG YAIK (Dilantik).
- .. DR MAHATHIR BIN MOHAMAD (Kedah).
- .. TAN SRI MOHAMED NOOR TAHIR (T.H.) TAN, P.M.N., J.M.N., C.W.E. (Dilantik).

Yang Berhormat DATUK ATHI NAHAPPAN, D.P.M.S. (Dilantik).

- .. DATUK TEMENGGONG OYONG LAWAI JAU, P.N.B.S., M.B.E. (Sarawak).
- .. DATUK E. E. C. THURASINGHAM, D.P.M.J., J.P. (Dilantik).
- .. TUAN TING MING HIA (Sarawak).

YANG HADIR BERSAMA:

Yang Berhormat Menteri Kemajuan Tanah dan Menteri Tugas-tugas Khas, DATUK HAJI MOHAMED ASRI BIN HAJI MUDA, S.P.M.K. (Kota Bharu Hulu).

- .. Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TAN SRI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., D.I.M.P., P.D.K. (Lipis).
- .. Menteri Pelajaran, TUAN HAJI MOHAMED BIN YAACOB, P.M.K., S.M.T. (Tanah Merah).

DEWAN NEGARA

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Negara, Lim Joo Keng.

Timbalan Setiausaha, Haji A. Hasmuni bin Haji Hussein.

Penolong Setiausaha, Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penterjemah Melayu Kanan/Pemangku Penolong Setiausaha, Ghazali bin Haji Abd. Hamid.

BAHAGIAN PENYATA RASMI

Penyunting, Yahya Manap.

Penolong Penyunting, P. B. Menon.

Penolong Penyunting, Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Rani bin Rahim.

Suhor bin Husin.

Ng Cheng Kuai.

Jamaludin bin Haji Ali.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Quah Mei Lan.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Shariff bin Md. Saad.

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN- PERTANYAAN

BUKU-BUKU TEKS PERCUMA

1. Tuan Ibrahim bin Haji Yaacob minta Menteri Pelajaran menyatakan samada beliau bercadang memberi buku-buku teks dengan percuma kepada murid-murid Darjah 1 hingga Darjah 6.

Peguam Negara (Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof): Tuan Yang di-Pertua, Menteri Pelajaran telahpun memberikan jawapan mengenai perkara yang sama yang disoalnya itu pada 29hb Julai, 1974.

ELAUN BANTUAN KHAS—MAJIKAN

2. Tuan Ibrahim bin Haji Yaacob minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan bilangan firma-firma yang belum lagi membayar elaun bantuan khas kepada pekerja-pekerjanya dan apakah tindakan yang akan diambil terhadap firma-firma ini.

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: Tuan Yang di-Pertua, pegawai-pegawai Kementerian ini sedang menguruskan usaha-usaha mereka untuk mengesa majikan-majikan yang belum lagi mula membayar elaun tersebut supaya membayarnya dengan seberapa segera. Walau bagaimanapun, Kementerian itu adalah dalam proses mengumpulkan data-data yang berkaitan.

Dan lagi dalam jangka masa dari bulan Januari hingga Jun, 1974 sejumlah 11,622 majikan-majikan di sektor swasta yang memberi gaji kepada 360,856 pekerja-pekerja adalah diketahui membayar elaun tersebut atau telah memberi kenaikan gaji. Angka-angka ini tidak merangkap sejumlah besar pekerja-pekerja yang termasuk di bawah perjanjian-perjanjian bersama yang telah mendapat Elaun Bantuan Khas sebagai hasil dari perundingan-perundingan secara langsung di antara pihak-pihak yang berkenaan.

Tuan Abdul Samad bin Osman: Soalan tambahan. Bolehkah Kerajaan memberitahu berapa peratuskah daripada firma-firma itu yang belum lagi membayar Elaun Sara Hidup kepada pekerja-pekerjanya?

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: Tuan Yang di-Pertua, saya tak tahu, sebab tidak ada angka-angka yang saya boleh jawab.

KESATUAN SEKERJA

3. Tuan Ibrahim bin Haji Yaacob minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan bilangan firma-firma di mana pekerja-pekerjanya belum menubuhkan kesatuan sekerja dan apa tindakan yang diambil terhadap firma-firma ini.

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: Tuan Yang di-Pertua, adalah tidak mungkin untuk menyatakan berapa bilangan firma-firma di mana pekerja-pekerja belum menubuhkan kesatuan sekerja tetapi bilangan pekerja-pekerja telah menjadi ahli kesatuan sekerja adalah bertambah setahun ke setahun, dan ini menunjukkan telah banyak bilangan firma-firma yang pekerja-pekerja mereka telah menubuhkan kesatuan sekerja. Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat adalah memberi sebarang pertolongan yang boleh mengikut kehendak Ordinan Kesatuan Sekerja, 1959 bagi pekerja-pekerja menubuhkan kesatuan mereka tetapi ini terpulanglah kepada daya usaha pekerja-pekerja itu sendiri.

Datuk J. E. S. Crawford: Soalan tambahan. Saya minta keterangan daripada Yang Berhormat Peguam Negara bahawa negeri kita ini mengamalkan demokrasi, maka menubuhkan trade unions bukanlah menjadi satu kesalahan, barangkali unwise. Itulah yang saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Peguam Negara.

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: Saya tidak faham pertanyaan Yang Berhormat itu, Tuan yang di-Pertua. Sila buat pertanyaan dalam bahasa Inggeris supaya saya boleh faham.

Datuk J. E. S. Crawford: (*Dengan izin*) Tuan Yang di-Pertua, I would like to ask the Honourable Attorney-General: we are a democracy, Sir, and as far as I know, there is no law which compels us to have trade

unions. If we do not have trade unions, I consider it is most unwise, but there is no law to make any company, as far as I am aware, have a trade union unless the workers ask for it where the procedure is laid down. But the question in English is:

“To ask the Minister of Labour and Manpower to state the number of firms in which workers have not established trade unions and the action taken against these firms.”

This is what I don't like—“the action taken against these firms—which seems to me not to be democratic.

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: Jawabnya betul. Kalau hendak menubuhkan trade unions itu adalah terpulang kepada pekerja-pekerja dalam satu-satu firma itu, tetapi soalan yang timbul ialah oleh kerana bagi pihak pekerja-pekerja pula didapati bukan semua firma-firma—tidak usah kata hendak menolong tetapi tak suka diadakan trade unions. Mereka mencari jalan kadang-kadang supaya boleh melambatkan penubuhannya dengan bermacam-macam caranya. Yang Berhormat itu bertanya, saya rasa pindaan itu tidak ada, tetapi kalau ada firma-firma yang cuba menghalang bagi menyusahkan pekerja-pekerja yang hendak menubuhkan trade unions, maka kita akan ambil tindakan. Perkara ini adalah semata-mata voluntary bagi kedua-dua pihak.

TALIPON DI KAMPONG BARU BEMBAN

4. Tuan Yeap Kheng Yam minta Menteri Perhubungan menyatakan kenapa Kampong Baru Bemban, Batu Gajah, Perak belum diperuntukkan pondok talipon sungguhpun peruntukan baginya telah diluluskan dalam tahun 1973.

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: Tuan Yang di-Pertua, cadangan untuk mengadakan sebuah Talipon orangramai Luar Bandar di Kampong Baru Bemban, Batu Gajah, Perak tidak diluluskan dalam tahun 1973.

Sungguhpun demikian, cadangan untuk Bemban akan dipertimbangkan dalam rancangan untuk tahun 1974 bersama dengan lain-lain cadangan bagi seluruh Negara. Kelulusannya adalah bergantung kepada peruntukan wang yang boleh diperolehi, dan

juga kepada kadar keutamaannya dibandingkan dengan keutamaan cadangan-cadangan lain bagi Negeri Perak dan Negeri-negeri lain daripada Negeri Perak juga ditimbang-kan.

HOSPITAL KECIL DI CHEMOR

5. Tuan Yeap Kheng Yam meminta Menteri Kesihatan menyatakan samada Kerajaan bercadang hendak mendirikan sebuah Hospital Kecil di Chemor, Perak bagi faedah penduduk-penduduk di sana.

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: Tuan Yang di-Pertua, jawabannya tidak. Kerajaan tidak bercadang untuk membina sebuah hospital kecil di Chemor.

Chemor terletak hanya 9 batu dari Hospital Besar Ipoh dan jalan besar yang menghubungkan kedua-dua tempat ini adalah baik.

Di bawah Rancangan Malaysia Kedua, keutamaan telah diberi bagi pembinaan Hospital Desa di daerah-daerah yang mana perkhidmatan begini tidak boleh diperolehi oleh penduduk-penduduk di situ, maknanya Hospital Besar itu jauh, baharu kita adakan Hospital Desa.

NYAMUK AEDES

6. Tuan Yeap Kheng Yam minta Menteri Kesihatan menyatakan samada satu rancangan kilat untuk membasmi nyamuk aedes akan dilancarkan di semua kampung-kampung baru dan kawasan-kawasan luar bandar.

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: Tuan Yang di-Pertua, satu rancangan jangka panjang bagi mengawal nyamuk aedes akan dilancarkan meliputi semua kawasan di dalam negara di mana pembaikan nyamuk itu merupakan satu bahaya. Rancangan kawalan ini akan juga meliputi kawasan-kawasan kampung baru dan Kawasan di luar bandar.

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN YANG DIBEBAHKAN DARIPADA PERATURAN MESYURAT DAN PENANGGUHAN

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa, walaupun peruntukan Peraturan Mesyuarat 11, Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini hingga semua perkara urusan Kerajaan yang tertera dalam Aturan Urusan Mesyuarat telah selesai dipertimbangkan dan apabila tamat mesyuarat Dewan ini ditangguhkan kepada suatu tarikh yang tidak ditetapkan.

Setiasaha Parlimen kepada Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan (Tuan Law Hieng Ding): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan.

Bahawa, walaupun peruntukan Peraturan Mesyuarat 11, Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini hingga semua perkara urusan Kerajaan yang tertera dalam Aturan Urusan Mesyuarat telah selesai dipertimbangkan dan apabila tamat mesyuarat Dewan ini ditangguhkan kepada suatu tarikh yang tidak ditetapkan.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG BANK SIMPANAN NASIONAL

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah. "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang". (29hb Julai, 1974).

Perbahasan disambung semula.

2.45 ptg.

Puan Dasimah Dasir: Tuan Yang di-Pertua, saya juga turut mengambil bahagian di dalam perbahasan Rang Undang-undang Bank Simpanan Nasional yang dibawa oleh Yang Berhormat Peguam Negara. Saya ingin

bertanya kepada Yang Berhormat Peguam Negara bagaimanakah Bank Negara dan Bank Bumiputra yang telah dijalankan oleh Kerajaan ini, adakah berhasil atau tidak? Saya rasa dengan adanya Bank Negara, kalau silap saya tolonglah tegur, barangkali 50 orang lebih daripada pegawai-pegawai itu telah dikeluarkan. Kenapa dan mengapa keadaan begitu berlaku? Tentulah tidak sesuai bagaimana Kerajaan menjalankan bank-bank yang ada itu, tetapi pada hari ini telah diadakan pula sebuah Bank Simpanan Nasional. Adakah Peguam Negara tahu samada untuk memberi kesenangan atau menambahkan kesusahan si miskin-si miskin tadi? Saya rasa kalau susah, tak usahlah dibuat lagi atau dipindahkan Rang Undang-undang yang telah dibawa pada hari ini.

Saya rasa kasihan kepada Peguam Negara kerana bala-bala itu ditanggung oleh Peguam Negara dan menerima pula segala kritik, padahal Rang Undang-undang ini adalah daripada beberapa Kementerian, tetapi dijawab oleh beliau seorang sahaja. Adakah keadaan ini mungkin berlaku dari satu masa ke satu masa?

Bank Simpanan Nasional ini walaupun saya bercakap mesti diluluskan juga, sebab saya tahu Ahli-ahli Yang Berhormat bercakap hanya untuk memberi pandangan atau pendapat. Pada pendapat saya, dengan adanya Bank ini, saya berharap Peguam Negara pandai-pandailah, bukanlah saya hendak mengajar buaya berenang, pandai-pandailah memilih orang-orang yang betul-betul untuk bekerja di dalam bank itu supaya rakyat dan bumiputra menambahkan hasil-hasil atau menambahkan keuntungan kepada sesuatu projek yang akan dijalankan, yang dikehendaki oleh rakyat yang mana telah dicakapkan oleh Peguam Negara kelmarin.

Saya juga turut menyokong Rang Undang-undang yang dibawa oleh Peguam Negara ini, tetapi saya minta lain kali kalau peguam Negara membawa Rang Undang-undang, Menteri-menteri yang berkenaan itu haraplah hadir di dalam Dewan ini. Apakah sebabnya Dewan ini dibenci oleh Menteri-menteri? Saya berharap dengan penerangan saya ini tidaklah Menteri-menteri marah kepada saya kerana saya memberi pandangan.

2.48 *ptg.*

Tuan Kamarul Ariffin bin Mohd. Yassin:
Saya juga suka mengambil bahagian dalam membahaskan Rang Undang-undang Bank Simpanan Nasional, 1974.

Saya suka menyokong sedikit apa yang telah dikatakan oleh rakan saya Yang Berhormat Puan Dasimah Dasir dari segi pembawaan Bill di Dewan yang mulia ini. Nampaknya beban telah diletakkan ke atas bahu Yang Berhormat Peguam Negara dalam dua tiga hari yang lepas dan mungkin perkara-perkara yang kita kemukakan di dalam Dewan ini tidak dapat penjelasan yang sepenuhnya oleh kerana Menteri yang bertanggungjawab sendiri tidak hadir. Saya harap pada persidangan yang akan datang perkara yang semacam ini tidak lagi berlaku dan kami, Ahli-ahli Yang Berhormat yang duduk di Dewan ini dapat perhatian Kerajaan yang sewajarnya.

Tuan Yang di-Pertua, tujuan undang-undang ini ialah memperbadankan Bank Simpanan Nasional dengan mengambil-alih satu bank yang telah lama berjalan di negara kita tetapi dikendalikan oleh Jabatan Kerajaan dengan tepatnya Jabatan Pos, dan tujuannya ialah untuk memaju dan mengembelikan simpanan khususnya dari penyimpan-penyimpan kecil dan juga untuk menggalakkan jimat cermat, untuk mengadakan saluran bagi orangramai amnya menyimpan wang. Jadi nampaknya itulah tujuan Rang Undang-undang ini, untuk mengadakan satu badan berkanun yang baru untuk mengambil-alih satu badan yang telah lama berjalan dan seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat Peguam Negara semalam, yang telah mempunyai lebih kurang dua juta penyimpan dan bolehlah dianggapkan satu badan yang sudah maju.

Peruntukan-peruntukan yang dibuat di bawah Rang Undang-undang ini adalah baik kerana dengan memperbadankan cara yang dibuat di bawah Rang Undang-undang ini rasa saya perjalanan penyimpanan yang dibuat menerusi Post Office dahulu akan bertambah baik. Mungkin masa yang kita kemukakan Rang Undang-undang ini adalah sangat sesuai kerana memandangkan keadaan inflasi yang berlaku maka sudah tentu kita perlukan banyak penyimpanan wang, dan bukan sahaja banyak menyimpan

wang tetapi cara menyimpan itu mestilah senang dan saya harap dan saya yakin dengan tertubuhnya Bank Simpanan Nasional ini maka banyak lagi orang-orang boleh menyimpan wangnya samada yang sudah kaya ataupun yang tidak begitu banyak pendapatannya mereka boleh menggunakan badan ini.

Di negara kita ini sudah ada beberapa badan-badan yang telah ditubuhkan oleh Kerajaan untuk mengajak orangramai menyimpan duit. Mungkin yang tertua sekali ialah Bank Simpanan Pos yang sekarang ini akan dimansuhkan. Selepas itu Kerajaan telah menubuhkan Bank Negara. Bank Negara ialah satu bank central yang menjaga kedudukan bank-bank swasta. Satu lagi bank yang telah ditubuhkan oleh Kerajaan dan modal 100 peratus dipunyai oleh Kerajaan ialah Bank Pertanian. Tujuan Bank Pertanian pun begitu juga salah satunya mengajak orangramai terutama sekali orang-orang di luar bandar menyimpan duit di dalam Bank itu. Sekarang ini kita ada lagi satu Bank yang hakmiliknya dipunyai 100 peratus oleh Kerajaan.

Jadi di sinilah saya suka menimbulkan beberapa perkara di dalam Rang Undang-undang ini yang saya minta sedikit penjelasan daripada Yang Berhormat Peguam Negara. Pertamanya berkenaan dengan tujuan Fasal 4, Fasal 4, Tuan Yang di-Pertua, berbunyi:

Tujuan-tujuan utama Bank ialah—

- (a) untuk memaju dan mengembelikan simpanan, khususnya dari penyimpan-penyimpan kecil, dan untuk menggalakkan tabiat jimat-cermat dan menyimpan wang;
- (b) untuk mengadakan saluran bagi orang awam amnya menyimpan wang;
- (c) untuk menggunakan wang Bank itu bagi pelaburan, termasuk membiayai pembangunan ekonomi negara.

Di sini mungkin saya hendak mengambil masa sedikit untuk bertanya tujuan-tujuan yang sebenarnya di bawah (c) ini—“untuk menggunakan wang Bank itu bagi pelaburan, termasuk membiayai pembangunan ekonomi negara.” Jadi di sini kita terpaksa kalau kita tengok daripada tujuannya, terpaksa kita pergi kepada kuasa-kuasa Bank yang timbul di bawah Fasal 5. Jadi untuk

melaksanakan tujuan-tujuan itu saya nampak, Tuan Yang di-Pertua. Fasal 5 membolehkan Bank ini:

“memberi pinjaman dan pendahuluan kepada, atau memberi gerenti untuk faedah, pendeposit-pendeposit dan lain-lain pelanggannya bagi maksud-maksud perumahan dan apa-apa maksud lain sebagaimana yang diluluskan oleh Menteri dan membuat perjanjian bagi maksud-maksud ini.”

Rasa saya, inilah satu perkara yang besar yang berbeza daripada Bank Simpanan Pos yang telah ada dahulu. Rasa saya duit Bank Simpanan Pos yang telah dikutip, yang telah disimpan oleh depositor-depositor kesemuanya pergi kepada akaun Kerajaan dan terpujalah kepada Kerajaan bagaimana hendak menggunakannya tetapi kebiasaannya untuk urusan Kerajaan. Tetapi di sini nampaknya kuasa-kuasa yang diberi kepada Bank Simpanan Nasional ini sudah luas sedikit, kerana ada cadangan supaya wang-wang yang dikutip itu dari simpanan tadi boleh diberikan kepada pendeposit-pendeposit atau pelanggan-pelanggan lain bagi maksud perumahan. Maknanya di sini—kalau saya salah, saya harap dibetulkan—maknanya di sini Bank ini bolehlah kalau dia hendak memberi pinjaman wang kepada orang-orang yang bercadang hendak meminjam untuk membeli rumah maka Bank ini berkuasa memberi pinjaman. Dan sudah tentu tugas-tugas Bank Simpanan Nasional ini sudah hampir-hampir sama dengan bank-bank swasta atau boleh kita katakan umpamanya syarikat-syarikat perumahan ataupun building societies—Malaysia. Building Society Berhad umpamanya. Bukanya sahaja dari segi meminjam wang dari segi perumahan tetapi boleh juga diberi pinjaman terhadap maksud-maksud lain, dan di sinilah rasa saya mungkin kita terpaksa berjaga-jaga sedikit, kerana kalau kita lihat pula di bawah Fasal 25 (c) dan (e) kita mestilah berjaga-jaga sedikit.

Fasal 25. Tuan Yang di-Pertua, ialah dari segi pelaburan wang yang mana Bank ini terpaksa melaburkan.

Di sini disebutkan:

25. (1) Tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Akta ini, wang-wang Bank hendaklah, setakat mana yang praktik dan kecuali sesuatu jumlah wang yang mungkin

dikhaskan untuk disimpan dalam tangan bagi maksud-maksud am Bank, dilaburkan dalam—

(a) sekuriti-sekuriti Kerajaan;

Di sini rasa saya memang tak boleh kita hendak lari kerana ini Bank Kerajaan, dan kita mestikan pelaburan yang lebih banyak dibuat di dalam sekuriti-sekuriti Kerajaan. Mungkin kalau kita minta seratus-peratus wang yang disimpan itu dilaburkan di dalam sekuriti-sekuriti Kerajaan, mungkin itu tidak praktik tetapi sebahagian besar daripadanya mestilah disimpan.

“(a) tidak boleh kurang daripada 70 peratus.”

mestilah di dalam sekuriti-sekuriti Kerajaan. Kalau saya, mungkin suka lebih naik lagi sampai 75-80 peratus kerana duit yang disimpan dan dilaburkan dalam sekuriti-sekuriti Kerajaan ini akhirnya digunakan oleh Kerajaan untuk membawa kemajuan negara.

Di bawah Fasal 25(1) (b), pelaburan boleh juga dibuat: “lain-lain pelaburan yang dibenarkan oleh atau di bawah Ordinan Pemegang Amanah, 1949, dan Akta Pelaburan Pemegang Amanah, 1965.” Di sini oleh kerana ada saham-saham yang dianggap sebagai blue chips yang mana Kerajaan atau Menteri Kewangan telah mengisytiharkan sebagai satu pelaburan yang sihat atau yang selamat, maka bolehlah sebahagian daripada simpanan itu yang dilaburkan dalam sekuriti syarikat-syarikat yang saya sebutkan tadi, sungguhpun kalau kita pandang di waktu ini banyak sangat sekuriti-sekuriti yang dianggapkan sebagai blue chips itu sudah turun harganya.

Di bawah Fasal 25 (d):

“Lain-lain pinjaman dan pendahuluan kepada pendeposit-pendeposit dan lain-lain pelanggan bagi maksud-maksud yang diluluskan oleh Menteri.”

Ini sebagai satu enabling clause yang saya harap akan digunakan oleh Menteri dengan bijaksananya kerana pada satu masa besok selain daripada pinjaman dari segi perumahan mungkin ada pinjaman lain yang boleh digunakan. Saya rasa perenggan (d)

ini adalah bijak. Tetapi, perenggan (e) ini menimbulkan satu tanda tanya kepada saya :

“(e) lain-lain sekuriti dan pelaburan yang diputuskan oleh Lembaga dari semasa ke semasa.”

Ini sangatlah mustahak. Ini bukannya bank swasta. Ini boleh dianggapkan Bank Kerajaan, dan semasa Lembaga Pengarah hendak meluluskan di bawah peruntukan 25 (1) (e) ini mestilah berjaga-jaga sedikit, kalau kita hendak beri pinjam, biarlah pinjaman itu kepada suatu yang membaikkan negara, untuk menguntungkan negara, janganlah oleh kerana seperti yang berlaku di bank-bank swasta oleh kerana ada muslihat lain maka pinjaman dibuat. Inilah saya minta supaya bila pinjaman dibuat atau laburan dibuatkan, di bawah perenggan 25 (1) (e) ini, mintalah Lembaga Pengarah berjaga-jaga sedikit kerana ini bukannya seperti bank swasta tetapi bank yang simpanannya datang daripada pendeposit-pendeposit kecil seperti maksud dan tujuan Rang Undang-undang ini.

Saya ada beberapa perkara yang hendak minta penjelasan sedikit dari segi Rang Undang-undang ini. Pertamanya samada Bank Simpanan Nasional ini setelah menjadi Undang-undang adakah Bank ini dikecualikan daripada Seksyen 59 Akta Bank, 102 Tahun 1973. Kalau kita lihat daripada Akta Bank, Seksyen 59 itu ada menyebutkan :

“Peruntukan-peruntukan Akta ini tidaklah dipakai bagi :

- (a) Bank Simpanan Pejabat Pos yang ditubuhkan di bawah Peruntukan-peruntukan Ordinan Bank Simpanan Pejabat Pos, 1948 bagi Negeri-negeri Tanah Melayu Ordinan Bank Simpanan Pejabat Pos Sarawak;”

Nampaknya sekarang ini Bank Simpanan Pejabat Pos ini akan dimansuhkan. Yang saya hendak minta penjelasan, bila timbulnya Bank baru ini, Bank Simpanan Nasional ini adakah Bank ini akan jatuh di bawah jagaan Bank Negara mengikut Seksyen 59 Akta Bank, 1973 itu? Saya harap Bank Simpanan Nasional ini tidak akan jatuh di bawah kawalan Bank Negara seperti Bank Swasta yang lain. Bagaimanapun saya mintalah sedikit penjelasan yang tegas daripada Peguam Negara dari segi perkara ini.

Perkara kedua, yang saya minta sedikit lagi penjelasan ialah berkenaan dengan kedudukan bunga yang akan dibayar oleh

bank ini kepada penyimpan-penyimpan wang, dan bunga di sini nampaknya tafsirannya telah diluaskan sedikit. Bunga termasuklah “bonos dan apa-apa lain faedah kewangan dengan apa juga nama disebut yang kena dibayar atas deposit dan lain-lain akaun dengan bank.” Jadi soalan yang saya hendak bertanya ini samada bunga yang diterima oleh penyimpan-penyimpan di dalam Bank Nasional ini adakah bunga-bunga itu dikecualikan daripada cukai pendapatan. Kalau kita memandangkan kepada peruntukan di bawah Cukai Pendapatan kalau tak salah saya, Seksyen 127 Akta Cukai Pendapatan, 1967 khususnya Jadual VI, Bahagian I Perenggan 19, di sini sungguhpun perkataan yang digunakan di bawah Seksyen 19, Jadual VI, Bahagian I Akta Cukai Pendapatan berbunyi demikian :

“Interest paid or credited to any person in respect of any savings certificates issued by the Government.”

Samada kita boleh anggapkan simpanan yang kita buat di dalam Bank Simpanan Kerajaan ini boleh ditafsirkan sebagai “savings certificates”. Saya tidak begitu faham dan saya minta sedikit penjelasan.

Kalau umpamanya penyimpan-penyimpan tahu bahawa faedah-faedah yang akan didapati dari simpanan yang dibuat di dalam Bank Simpanan Nasional ini dikecualikan daripada pembayaran cukai pendapatan, mungkin lebih ramai lagi orang akan menyimpan di dalam Bank Simpanan Nasional ini, dan jikalau lebih ramai orang menyimpan maka lebih maju bank ini dan seterusnya akan lebih maju Kerajaan kerana dapat deposit yang begitu banyak. Saya minta penjelasan sedikit daripada Yang Berhormat Peguam Negara.

Perkara yang ketiga saya minta juga sedikit penjelasan mengenai tafsiran. Saya lihat di bawah Fasal 2 mengenai tafsiran dari segi “perkhidmatan giro”. Di ini adalah menjadi salah satu kuasa bank iaitu di bawah Fasal 5. “Bagi maksud menjalankan tujuan-tujuan yang dinyatakan dalam seksyen 4, Bank boleh—(g) mengadakan dan menjalankan perkhidmatan giro.” Di sini perkhidmatan giro telah ditafsirkan sebagai suatu perkhidmatan akaun semasa atau dalam bahasa Inggeris “giro service” means a current account service. Perkhidmatan akaun semasa yang membenarkan pemegang-pemegang akaun memberi arahan-arahan

bayaran kepada bank dan yang membenarkan bank menerima pembayaran ke dalam akaun seseorang pemegang akaun daripada mana-mana pihak.

Tuan Yang di-Pertua, perkataan ini ialah satu perkataan teknikal dan jikalau perkataan teknikal itu ianya sudah tentu mempunyai technical meaning. Di sini telah digunakan "akaun semasa." Saya tidak berasa terang di sini, adakah dimaksudkan akaun semasa itu ialah akaun semasa yang digunakan oleh bank-bank swasta yang lain?

Saya suka membawa perbezaan di sini, kerana kalau kita lihat tafsiran yang dibuat di bawah Akta Bank Pertanian, ada juga tafsiran "giro service." Di situ dikatakan—saya cuma ada dalam bahasa Inggeris sahaja, Tuan Yang di-Pertua:

"Giro service" means a service for the transfer of payment between accounts on the instruction of depositor or depositors;"

Di sini ada bezaannya, yang antara lain katanya:

"Giro service" means a current account service which permits account holders to issue payment instructions to the Bank and which permits the Bank to accept payments into the account of an account holder from any party;"

Rasa saya kalau kita hendak menggunakan satu terminology biarlah kita berikan makna yang sebetulnya. Kita takut disalah sangka nanti bahawa Bank Simpanan Nasional boleh mengadakan current account. Saya tidak tahu samada itu maksudnya. Kalau itu maksudnya biarlah dibuat secara berterang-terang. Saya tahu di bawah peruntukan Akta Bank Pertanian itu bukan maksudnya. Bank Pertanian tidak diberi kuasa untuk mengadakan current account. Inilah perkara yang saya minta sedikit penjelasan dari pihak yang berkenaan.

Satu perkara lagi yang telahpun ditimbulkan semalam oleh Yang Berhormat Tuan Abdullah bin Datuk Abdul Rahman dari segi cawangan-cawangan bank. Di bawah ini kalau kita pandang dari segi Bank Simpanan Pejabat Pos dahulu bahawa salah satu sebab yang Bank Simpanan Pejabat Pos itu maju ialah oleh kerana dia mempunyai banyak wakil-wakil yang boleh mengutip simpanan bagi pihak bank itu. Boleh dikatakan hampir semua pejabat-pejabat Pos diberi kuasa mengutip wang simpanan iaitu tiap-tiap

depositor boleh pergi dan mengambil, membuka simpanan akaun di Pejabat Pos—hampir semuanya. Ini satu perkara yang baik dari segi simpanan di Pejabat Pos. Saya tidak tahu apakah rancangan yang akan dibuat oleh Bank Simpanan Nasional ini, samada bank itu bertujuan untuk menggunakan juga Pejabat Pos sebagai wakilnya atau sebagai ejennya. Di bawah peruntukan Akta ini Fasal 5 (k) membuka cawangan-cawangan dan melantik ejen-ejen atau koresponden-koresponden.

Saya percaya kalau hendak membuka cawangan yang berasingan mungkin itu memakan belanja yang banyak sedangkan Bank Pertanian yang sudah beberapa tahun berjalan itu mengalami kesukaran apabila hendak membuka cawangan, inikan pula kalau bank baru kita hendak tubuhkan. Tetapi kalau boleh digunakan kemudahan yang sudah ada di Pejabat Pos dan kita gunakan di bawah seksyen 5 (k) tadi mengatakan Post Master di Pejabat Pos boleh dilantik sebagai ejen Bank Simpanan Nasional, maka rasa saya itu akan memberi kemudahan kepada

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: Untuk penjelasan. Dalam ucapan saya, saya sudah sebutkan dan saya terangkan lagi sekali. Saya kata, Jabatan Pos akan meneruskan perhubungan dengan Jabatan Pos supaya perkhidmatan dan kemudahan yang diadakan sekarang ini akan dapat dinikmati oleh semua rakyat yang berjalan seperti biasa—itu sudah saya sebutkan dalam ucapan pembukaan saya, barangkali Ahli Yang Berhormat tidak ada pada masa itu, ianya berjalan sebagaimana dikehendaki.

Tuan Kamarul Ariffin bin Mohd. Yassin: Saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Peguam Negara kerana memberi penjelasan. Saya telah membaca ucapannya sebelum saya berucap tadi, tetapi saya cuma hendak mendapat penjelasan yang lebih terang sedikit, kerana apabila dilantik ejen maka berbagai-bagai perkara yang akan timbul. Kalau tujuannya supaya Pejabat Pos yang ada sekarang ini yang mengendalikan akan mengambil-alih, akan diberi tugas yang telah dijalankan sekian lama ini—alhamdulillah, kerana sebagaimana saya katakan tadi, akan menyenangkan ramai depositors yang ada sekarang ini dan mereka mungkin menyimpan lagi wang di dalam Bank Simpanan Nasional ini.

Itulah sahaja pandangan saya terhadap Rang Undang-undang ini dan saya menyokong dengan sepenuh-penuhnya.

3.19 *ptg.*

Tuan Shaari bin Jusoh: Tuan Yang di-Pertua, saya juga turut menyokong Rang Undang-undang yang dikemukakan oleh Peguam Negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya adalah menyokong Rang Undang-undang ini dengan sepenuh-penuhnya dan saya nampak sebagaimana yang dikatakan oleh Yang Berhormat Peguam Negara, salah satu perkara yang besar mengenai Rang Undang-undang Bank Simpanan Nasional ini ialah mengambil-alih tempat Bank Simpanan Pejabat Pos. Saya percaya begitu juga Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain bahawa kerja di Pejabat Pos amatlah banyak selain daripada menerima wang, bermacam-macam lagi yang terpaksa dijalankan. Apabila seseorang itu datang ke Pejabat Pos dengan membawa wang berjam-jam terpaksa menunggu, kecuali di setengah-tengah tempat Pejabat Pos tidak begitu banyak orang yang datang.

Dengan adanya Rang Undang-undang ini akan menyenangkan kepada penyimpan-penyimpan, terutama bagi penyimpan-penyimpan kecil sebagaimana yang dikatakan oleh Yang Berhormat Peguam Negara semasa mengemukakan Rang Undang-undang ini. Saya rasa musykil sedikit tentang iklan ataupun hebahan kepada orang ramai.

Rang Undang-undang ini amatlah baik dan kerap kali tiap-tiap Rang Undang-undang yang dikemukakan itu adalah untuk kebaikan belaka, tetapi macam mana saya kata tadi, kebanyakan dari rakyat, khususnya dari penduduk-penduduk luar bandar boleh dikatakan tidak dapat tahu dengan serta-merta ataupun tidak dapat tahu dengan sejelas-jelasnya segala perkara yang dijalankan oleh Kerajaan dari satu masa ke satu masa. Walau bagaimana baik sekalipun rancangan itu kadang-kadang tidak dapat sambutan, bukanlah disebabkan rancangan itu kurang baik, tetapi kerana kurang mendapat penerangan yang sejelas-jelasnya. Dengan sebab itu, saya mengesyurkan selain daripada perkara-perkara yang ditetapkan oleh Lembaga ini, maka hendaklah diadakan pegawai-pegawai penerangan yang cukup, atau mengadakan iklan-iklan dalam TV dan

radio. Saya ada melihat dan saya percaya Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain selalu melihat iklan dalam TV. Saya dapat tahu masa iklan itu tiga minit, tetapi bayarannya amat mahal. Mengapakah peniaga-peniaga sanggup membayar bayaran yang mahal untuk iklan, kerana daripada iklan itulah dapat difahami ataupun dapat diketahui oleh umum. Kita sebagai badan Kerajaan, selain daripada Undang-undang yang baik, iklan hendaklah dibuat dengan cukup. Kalau tidak boleh kita buat begitu, kita buat minggu Bank Simpanan Nasional, sebagaimana masa lalu kita buat Minggu Belia dan Bulan Bahasa dan sebagainya. Dengan rancangan ini akan mendapat sambutan yang baik daripada rakyat?

Tuan Yang di-Pertua, saya bercakap ini khas kepada rakyat luar bandar. Sungguhpun mereka itu tidak banyak wang, mereka ada sedikit sebanyak, tetapi mereka tidak tahu menyimpan dalam Simpanan Pejabat Pos dan sebagainya. Sebagai contohnya di masa Pertukaran wang lama kepada wang baru, ada di antara penduduk-penduduk luar bandar masih menyimpan wang lama. Apabila masa menukar wang itu telah tamat tempohnya baharu mereka tahu, tetapi tidak berguna lagi. Ini adalah disebabkan kurang penerangan kepada seluruh rakyat. Saya mencadangkan penerangan lengkap hendak diberi kepada seluruh negara.

3.25 *ptg.*

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah menyokong dan membuat teguran, cadangan dan penerangan kepada Rang Undang-undang yang telah saya kemukakan.

Yang pertama, saya menjawab pandangan Yang Berhormat Tuan Shaari bin Jusoh. Saya ucapkan setinggi-tinggi terima kasih dan setuju dengan pandangannya itu iaitu bila kita membuat satu perkara, khususnya kalau faedahnya banyak untuk penduduk luar bandar maka hendaklah kita memberi keterangan perkara ini akan dibuat oleh Kementerian yang berkenaan bila bank itu ditubuhkan akan dihebahkan melalui alat sebaran kita: talivisyen. Khususnya radio kerana kaum ibu selalu ada di dapur dengan radio dan harga radio pun murah di samping dapat

diterangkan di sini, bank ini ditubuhkan oleh satu Undang-undang khas. Oleh itu, saya menyatakan di sini bank ini tidak termasuk di bawah Akta yang tersebut itu dan segala perjalanannya mengikut Rang Undang-undang yang ada di hadapan kita.

Berkenaan dengan faedah yang didapatnya itu lepas daripada income tax, sebagaimana yang berlaku sekarang kita menyimpan wang di Pejabat Pos, kalau tidak salah saya tidak masuk income tax. Perkara ini sedang ditimbang oleh Kementerian Kewangan dan Kerajaan akan memberi keputusan pada satu masa kelak yang akan datang samada masuk income tax atau tidak.

Kelmarin Senator Datuk Nik Hassan ada membawa beberapa perkara. Satu daripada perkara-perkara yang ditimbulkan oleh beliau ialah Bank Simpanan Nasional katanya, kalau digunakan huruf singkat B.S.N. akan juga bermakna Biro Siasatan Negara. Ini mungkin menakutkan orang ramai untuk datang ke bank ini. Saya terangkan di sini, saya haraplah kalau huruf B.S.N. itu janganlah maknanya menakutkan orang-ramai. Sebenarnya rakyat takut. Saya minta rakyat sayangkan Biro Siasatan Negara itu supaya rajin datang, mahu datang mengadu bukan takut. Rakyat jelata hendaklah kasihkan Biro Siasatan Negara, barulah negeri kita ini aman daripada corruption dan lain-lain. Selagi ada perasaan takut—yang takut itu orang yang salah, yang datang mengadu, kalau nasib dia baik dapat pula duit sebagai hadiah. Saya menerangkan di sini bahawa Biro Siasatan Negara ini adalah sahabat baik kepada rakyat yang amanah dan menerima mereka itu datang, terbuka pintunya untuk mengadu kalau ada apa-apa corruption. Tetapi walau bagaimanapun, kita tidak gunakan huruf B.S.N. kepada Bank Simpanan Nasional. Saya sudah dapat arahan, kita akan memberi arahan sematamata huruf Bank Simpanan Negara itu digunakan perkataan itu. Selalunya perkataan yang pendek seperti Biro Narkotik dan Biro Siasatan Negara dipendekkan hurufnya. Saya fikir kita akan gunakan Bank Simpanan Nasional itu tidak akan mengelirukan rakyat. Tetapi saya terangkan di sini iaitu saya mintalah Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain yang ada ini menerangkan bahawa B.S.N. itu adalah sahabat kepada rakyat jelata dan hendaklah dihampiri, jangan ditakuti. Bunyinya memang takut. Siapa tidak takut, kalau dia datang menyiasat.

Teguran Yang Berhormat Senator Ismail bin Sheikh Ibrahim menyatakan bahawa Bank Simpanan Nasional hendaklah meluaskan lagi kemudahan-kemudahan di luar-bandar dan banyakkkan pinjaman kepada bumiputra. Jawapannya oleh kerana kita masih lagi ada pertalian dengan Pejabat Pos, maka buat masa ini Bank Simpanan Nasional akan ditempatkan di semua Pejabat Pos yang ada sekarang ini termasuk juga di luar-luarbandar. Tetapi sebagaimana provision yang ada dalam undang-undang kita maka berhak Bank Simpanan Nasional mengadakan pula cawangan-cawangannya di luar-luarbandar. Maka lama kelamaan boleh ia membuka cawangan khasnya dalam rancangan-rancangan FELDA, sekarang banyak bandar-bandar baru yang kita buka dalam Jengka Triangle, Johor Tenggara dan lain-lain lagi. Maka bolehlah kita buka cawangan Bank Simpanan Nasional itu selain daripada Pejabat Pos. Bagi sementara ini kita buat sebagaimana yang ada sekarang dan kemudahan-kemudahan diberi kepada orang ramai.

Berkenaan dengan pinjaman kepada bumiputra. Bank Simpanan Nasional ini adalah sebuah Bank Simpanan (Savings Bank) dan bukannya sama seperti bank-bank perdagangan yang lain. Oleh yang demikian, perkhidmatan yang diutamakan ialah untuk menyimpan wang dan bukannya untuk mengadakan perkhidmatan-perkhidmatan bank-bank perdagangan dan lain-lain. Tetapi walau bagaimanapun kita mempunyai banyak tujuan-tujuan lain yang membolehkan bank ini menjalankan perkhidmatannya seperti bank-bank lain meminjamkan wang untuk membeli rumah, mengadakan current account seperti saya terangkan tadi, Giro Service dan lain-lain. Maknanya bank ini akan diluaskan daripada Bank Simpanan Pejabat Pos tetapi tidak sama dengan bank perdagangan yang ada, boleh dikatakan separuh jalan.

Teguran Yang Berhormat Senator Kamarul Ariffin mengenai giro service. Perkara ini akan diterangkan kepada pekerja-pekerja dan pegawai-pegawai bank apakala undang-undang ini diluluskan dan mereka itu mendapat jawatan kerana terang dan nyata giro service yang ada di dalam Bill ini sememang berlainan daripada makna giro service yang ada di dalam Enakmen Bank Pertanian, sebab tujuan kedua-dua

giro service itu ada berlainan maka terpaksa kita ada definisi giro service kepada kedua-dua bank yang berlainan. Susah saya hendak menyatakan supaya diadakan satu makna giro service bagi semua Akta. Saya fikir saya akan timbangkan perkara itu tetapi susah juga kalau kita hendak adakan satu perkataan yang sama bagi semua maknanya.

Itulah sahaja yang dapat saya jawab seberapa yang boleh atas teguran Ahli-ahli Yang Berhormat dan saya ucapkan terima kasih.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*).

Fasal 1 hingga 44 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilapurkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

USUL

ATURAN URUSAN MESYUARAT— PERUBAHAN

3.39 *ptg.*

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa Rang Undang-undang Kanun Tanah Negara (Pindaan) dan Rang Undang-undang Pelajaran (Pindaan) hendaklah didahulukan daripada lain-lain urusan dalam kertas urusan mesyuarat bagi hari ini.

Tan Sri S. O. K. Ubaidulla: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Rang Undang-undang Kanun Tanah Negara (Pindaan) dan Rang Undang-undang Pelajaran (Pindaan) hendaklah didahulukan daripada lain-lain urusan dalam kertas urusan mesyuarat bagi hari ini.

RANG UNDANG-UNDANG KANUN TANAH NEGARA (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

3.40 *ptg.*

Menteri Kemajuan Tanah dan Menteri Tugas-tugas Khas (Datuk Haji Mohamed Asri bin Haji Muda): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mengemukakan satu Rang Undang-undang bagi meminda Kanun Tanah Negara dibaca bagi kali yang kedua.

Sukacita saya mengambil peluang ini untuk menghuraikan serba-sedikit maksud-maksud pindaan kepada beberapa seksyen Kanun Tanah Negara.

Fasal 3 dan Fasal 4 (Seksyen 13 dan Seksyen 66 Kanun Tanah Negara)

Fasal 3 adalah syor untuk meminda Seksyen 13 Kanun Tanah Negara bagi menghadkan kuasa Pihak Berkuasa Negeri mewakili kuasa-kuasanya di bawah Kanun itu bagi menyekat pemberian milik tanah di kawasan 50 ela di tebing-tebing sungai yang tertentu (Sungai-sungai yang diwartakan oleh Pihak Berkuasa Negeri) oleh Pegawai-pegawai Pentadbir Tanah yang dilantik di bawah Seksyen 12 Kanun Tanah Negara. Dengan peruntukan yang ada di dalam Kanun Tanah Negara sekarang ini Pegawai-pegawai Pentadbir Tanah boleh atau berkuasa memberi milik tanah di kawasan 50 ela daripada tebing-tebing sungai yang diwartakan itu.

Dengan adanya pindaan seperti yang disyorkan di dalam Fasal 3 ini maka tanah-tanah di kawasan 50 ela daripada tebing sungai yang diwartakan itu tidaklah lagi dikeluarkan milik baginya. Tindakan ini adalah sesuai dengan kehendak "Suruhanjaya Tetap Bagi Mengawal Banjir" yang telah melantik suatu Jawatankuasa Kecil untuk mengkaji pertentangan antara penggunaan tanah

dan kawalan banjir dan telah membuat beberapa syor, antara lain-lain ialah:

- (i) Satu peruntukan mahulah diadakan dalam Kanun Tanah Negara untuk menyekat pengeluaran tanah di tebing-tebing sungai yang diwartakan, dan luas lebar tebing sungai yang dihadkan daripada pengeluaran tanah hendaklah mengikut luas yang lazimnya disyorkan oleh pihak Jabatan Parit dan Taliair.

Seterusnya, Seksyen 66 Kanun Tanah Negara dicadangkan juga dipinda seperti mana dinyatakan di bawah Fasal 4 kepada Rang Undang-undang ini. Pindaan kepada Seksyen 66 Kanun Tanah Negara itu adalah bagi menyekat kuasa Pemungut-pemungut Hasil Tanah daripada mengeluarkan Lesen Menduduki Sementara (T.O.L.) bagi tanah-tanah di kawasan-kawasan 50 ela daripada tebing-tebing sungai yang diwartakan. Pindaan-pindaan ini adalah sama maksudnya seperti saya nyatakan tadi.

Fasal 5 (Seksyen 67 Kanun Tanah Negara)

Fasal 5 adalah bermaksud untuk meminda Seksyen 67 Kanun Tanah Negara bagi mengadakan peruntukan berkenaan pembaharuan lesen-lesen menduduki sementara (T.O.L.). Pindaan seperti yang dicadangkan di dalam Rang Undang-undang ini akan membolehkan Pemungut Hasil Tanah membaharui lesen menduduki sementara dengan cara membuat catitan di dalam lesen berkenaan yang lesen itu telah dibaharui bagi sesuatu tahun.

Menduduki Tanah Kerajaan cara sementara untuk pertanian, tapak rumah dan sebagainya adalah terikat kepada Seksyen 67 Kanun Tanah Negara. Menurut Seksyen 67 ini, lesen-lesen menduduki sementara akan habis tempohnya pada 31hb Disember tahun yang dikeluarkannya. Namun demikian, di dalam Seksyen 67 ini tidak ada peruntukan bagi membaharui lesen-lesen sementara yang telah habis tempohnya dan cara yang diamalkan di Pejabat Tanah sehingga ketika ini adalah selaras dengan kehendak Seksyen 67 itu juga iaitu dengan cara berkehendakan pemegang-pemegang lesen itu membuat permohonan baru dan apabila diluluskan, suatu lesen baru dikeluarkan. Cara-cara semacam ini adalah sangat rumit untuk dijalankan dari segi praktiknya dan memakan masa yang lama dan menyusahkan kepada orang ramai.

Pindaan yang disyorkan di dalam Kertas ini akan membolehkan Pemungut Hasil Tanah membaharui lesen-lesen sementara yang telah habis tempohnya dengan cara membuat catitan dalam lesen yang asal itu.

Fasal 8 (Seksyen-seksyen Baru 175A-175F Kanun Tanah Negara)

Sebagaimana ternyata pada Huraian kepada Rang Undang-undang ini. Ahli-ahli Yang Berhormat mungkin maklum bahawa ada beberapa daftar-daftar hakmilik kekal dan sementara di setengah-setengah Pejabat Tanah dan di Pejabat Pendaftaran Gerangan Tanah telah rosak dan tidak boleh dibaca lagi akibat bencana banjir atau oleh kerana telah reput dengan sendirinya. Oleh kerana itu bagi membolehkan daftar hakmilik demikian diganti dengan yang baru maka perlulah peruntukan baru dibuat mengenai cara-cara melakukan penggantian itu.

Di dalam Kanun Tanah Negara sekarang ini, peruntukan cuma ada (iaitu Seksyen 166 dan Seksyen 187 Kanun Tanah Negara) bagi menggantikan Daftar Hakmilik sebagai sambungan kepada Daftar-daftar yang kurang baik iaitu Daftar yang buruk, tetapi tulisan atau catitan di dalamnya boleh lagi dibaca. Bagi daftar-daftar yang telah rosak dan tidak boleh dibaca lagi keseluruhannya atau sebahagian daripadanya atau bagi Daftar-daftar yang telah hilang, peruntukan bagi menggantikannya tidak ada di dalam Kanun Tanah Negara sekarang.

Bagi mengatasi keadaan ini maka mustahaklah peruntukan tambahan diperbuat seperti terkandung di dalam Seksyen 175A hingga 175F untuk membolehkan Pendaftar-pendaftar / Pemungut-pemungut Hasil Tanah membaharui daftar-daftar hakmilik kekal dan sementara yang telah rosak atau hilang atau tidak boleh dibaca lagi.

Fasal 9 (Seksyen-seksyen Baru 187 A dan 187B Kanun Tanah Negara)

Fasal 9 ini mengemukakan suatu pindaan baru untuk membolehkan Pendaftar/ Pemungut Hasil Tanah mengeluarkan salinan Surat Hakmilik bagi Hakmilik Sementara bagi Surat Hakmilik yang telah hilang atau rosak atau ada di dalam simpanan orang yang engkar menyerahkannya. Bagi Hakmilik Tetap, peruntukan bagi mengeluarkan salinan

Suratan Hakmilik itu telah sedia ada di bawah peruntukan Seksyen 175 Kanun Tanah Negara.

Pengalaman telah didapati di Pejabat-pejabat Tanah dan Pendaftaran bahawa ada beberapa Suratan Hakmilik Sementara yang dipegang oleh tuan-tuan tanah telah hilang atau rosak atau ada di dalam simpanan orang yang engkar menyerahkannya. Di dalam Kanun Tanah Negara tidak ada peruntukan untuk mengeluarkan salinan Suratan Hakmilik Sementara itu. Kebanyakan Negeri-negeri telah membuat peruntukan dalam Peraturan-peraturan Tanah Negeri masing-masing bagi membolehkan Pendaftar atau Pemungut Hasil Tanah mengeluarkan salinan Suratan Hakmilik Sementara itu. Tetapi pada pendapat Kerajaan peruntukan-peruntukan yang dibuat dalam Peraturan-peraturan Tanah Negeri itu lebih sesuai dimasukkan ke dalam Kanun Tanah Negara sendiri.

Fasal 12 dan 14 (Seksyen 425 dan Seksyen 426A, 426B dan 426C, 426D Kanun Tanah Negara)

Fasal 12 dan 14 ini adalah bertujuan untuk mengetatkan peruntukan berhubung dengan pendudukan Tanah Kerajaan secara haram dan seterusnya memperuntukan undang-undang yang lebih sesuai baginya.

Seksyen 425 Kanun Tanah Negara adalah satu peruntukan mengenai pencerobohan tanah Kerajaan, tanah rizab atau tanah lombong. Seksyen ini menyatakan salah sekiranya seseorang itu menduduki tanah Kerajaan membuat bangunan di atasnya, membersihkan atau memagar tanah-tanah itu ataupun menebang kayu-kayan atau mengambil khazanah daripada pokok-pokok di atasnya dengan tidak ada kebenaran daripada Kerajaan dan bagi kesalahan itu akan didenda tidak lebih daripada lima ratus ringgit atau dipenjarakan tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya sekali.

Seksyen 426 pula adalah satu peruntukan mengenai pengambilan tanah atau pemindahan batu-batu daripada tanah yang mana adalah salah bagi seseorang itu melakukan-nya dengan tidak ada kebenaran daripada Kerajaan dan orang yang didapati salah itu boleh didenda dan juga dihukum penjara, selain daripada hukum mengganti nilai harga bahan-bahan batu yang dipindahkan itu termasuk juga nilai atas kerosakan

kepada pokok-pokok yang telah ditebang atau rosak bersabit dengan melakukan kerja memindahkan batu-batu itu.

Peruntukan yang ada sekarang didapati tidak mencukupi untuk mencegah pencerobohan tanah Kerajaan, tanah rizab atau tanah lombong; demikian juga bagi mengambil atau memindah batu-batu daripada mana-mana tanah. Pencerobohan tanah Kerajaan sekarang dilakukan dengan secara besar-besaran, dengan menggunakan alat-alat jentera yang moden seperti bulldozer, traktor, lori-lori dan sebagainya. Kebanyakannya pencerobohan ini dilakukan di tanah-tanah Kerajaan yang terpencil seperti di dalam kawasan-kawasan hutan rimba, hutan simpanan, yang mana payah hendak dikesan. Oleh itu bagi mencegah pencerobohan yang sedemikian maka adalah disyorkan peruntukan-peruntukan yang tersebut di atas diperketatkan lagi dan juga ditambah peruntukan yang baru mengenai merampas harta-benda dan jentera-jentera yang dengan-nya pencerobohan itu dilakukan.

Oleh yang demikian, Seksyen 425 Kanun Tanah Negara adalah disyorkan supaya dipinda, di antara lain-lainnya, dinaikkan denda bagi kesalahan pencerobohan tanah Kerajaan, tanah rizab atau tanah lombong itu daripada \$500 kepada \$10,000 denda dan hukuman penjara dinaikkan daripada tempoh "tidak melebihi 6 bulan" kepada tempoh "tidak melebihi satu tahun", seperti terkandung dalam para (b) pada Fasal 12. Bagi Seksyen 426 pula peruntukan baru 426A, 426B, 426C dan 426D akan diadakan untuk memberi kuasa, di antara lain-lain ialah:

- (i) Memberi kuasa kepada pegawai polis berpangkat tidak kurang daripada Inspektor, Pendaftar, Pemungut Hasil Tanah, Pegawai Petempatan atau seseorang pegawai yang diberi kuasa oleh Pihak Berkuasa Negeri untuk menangkap dengan tidak payah menggunakan waran seseorang yang menggunakan tanah Kerajaan dengan secara haram.
- (ii) Membolehkan pegawai-pegawai tersebut menahan kenderaan, traktor dan perkakas-perkakas pertanian yang digunakan untuk maksud pencerobohan itu.

- (iii) Memberi kuasa kepada pegawai polis menyimpan barang-barang atau alat-alat yang didapati di atas tanah yang dicerobohkan itu dan juga menyimpan perkakas-perkakas rumah yang telah dirampas menurut seksyen 426A (1) (c).
- (iv) Memberi kuasa kepada Mahkamah merampas alat-alat yang tersebut di atas.

Bagi kesalahan berkaitan dengan pengambilan batu-batu daripada mana-mana tanah tanpa kebenaran, hukuman denda baginya dinaikkan juga daripada \$500 kepada \$10,000 dan hukuman penjara "tidak melebihi enam bulan" dinaikkan kepada tempoh "tidak melebihi satu tahun" sebagaimana dinyatakan pada Fasal 13 pada Rang Undang-undang ini.

Dengan adanya peruntukan-peruntukan seperti yang telah diuraikan tadi kita percaya pencerobohan tanah Kerajaan ke hadapan ini dapat dikawal dengan lebih rapi lagi dan pencerobohan tidak akan berlaku dengan mudahnya demikian juga pengambilan atau pemindahan bahan-bahan batu yang berharga dalam kawasan tanah Kerajaan itu.

Fasal 15 (Pindaan bagi Jadual pertama Kanun Tanah Melayu)

Fasal 15 ini adalah bertujuan untuk mengadakan beberapa borang yang hendak digunakan berkenaan dengan pelaksanaan seksyen-seksyen 175A, 175B, 175D dan 175E yang telah diuraikan di bawah Fasal 8 dan borang untuk melaksanakan seksyen 187B yang telah diuraikan di bawah Fasal 9.

Tuan Yang di-Pertua, pada dasarnya keseluruhan daripada cadangan pindaan yang dikemukakan ini ialah untuk melicinkan lagi pentadbiran tanah negara ini dan untuk menguatkan pada beberapa segi tentang pelaksanaan Undang-undang Kanun Tanah Negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang ini dibaca bagi kali yang kedua.

Tan Sri S. O. K. Ubaidulla: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

3.52 ptg.

Tuan Ibrahim bin Haji Yaacob: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong Bil ini untuk diluluskan dan saya suka memberi pendapat saya. Saya ucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Kerajaan yang telah dapat membuat satu Bil yang baik dan saya berharap perlaksanaannya dapat pula dijalankan.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka mengulang-ulang apa yang saya katakan tempoh hari di dalam Dewan ini iaitu perkara-perkara seperti menukar hakmilik, menukar syarat, ambil kuasa letter of administration memakan masa yang sangat lama. Banyak lagi rakyat mengadu pada wakil-wakil rakyat atas perkara ini. Saya merayu kepada Kementerian yang berkenaan akan berunding dengan Kerajaan-kerajaan Negeri supaya perkara-perkara ini jangan berlaku lagi. Kalau tak cukup kakitangan employ lagi kerana Kerajaan-kerajaan Negeri banyak duit.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi yang saya suka menyampaikan kepada Kementerian itu baru-baru ini Syarikat Kerjasama Serbaguna saya sendiri ada memohon menukar syarat tanah seluas 120 ekar dengan menukar dari pertanian kepada perusahaan, dari getah kepada pengeluaran batu-batu pejal. Maka saya diberitahu oleh pegawai yang berkenaan bahawa Undang-undang Kanun Tanah Negara telah dipinda iaitu tanah syarikat saya itu mestilah diserahkan kepada Kerajaan seluas 120 ekar itu dan Kerajaan akan memberi syarikat saya lease selama tanah itu digunakan untuk kuari itu. Ini saya fikir tidak logik, sebab ini akan melibatkan pemecahan geran tanah itu walhal tanah itu luasnya 120 ekar satu geran dan kami beli ladang itu dengan meminjam wang Kerajaan daripada Kementerian Kewangan sebanyak \$1 juta. Kalau beginilah peraturan baru itu, maka saya fikir ini menyusahkan orang-orang yang mempunyai tanah. Kami terpaksa mengadakan mesyuarat syarikat untuk meminta kebenaran daripada Kementerian Kewangan untuk memecah geran itu dan banyak lagi perkara-perkara yang menyusahkan. Saya merayu kepada Menteri yang berkenaan supaya bab ini dibetulkan balik semula supaya siapa-siapa

yang mempunyai kebun yang boleh mengeluarkan hasil seperti yang saya buat janganlah disekat. Kalau disekat seperti ada saya terangkan tadi ini menyusahkan rakyat dan menghilangkan mata pencariannya.

Tuan Yang di-Pertua, inilah pandangan saya pada Bil ini dan saya ucapkan setinggi-tinggi terima kasih atas Bil ini dan menyokong untuk diluluskan.

3.55 *ptg.*

Datuk Mansor bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, saya suka hendak mengambil masa sedikit sahaja untuk membahaskan Rang Undang-undang ini.

Memang apa juga Rang Undang-undang yang merupakan pindaan-pindaan yang difikirkan boleh memberi faedah dan kebaikan kepada pentadbiran mengenai tanah ini tentu sekali akan mendapat sokongan daripada segenap lapisan rakyat maka begitulah juga saya berhubung dengan Rang Undang-undang ini. Banyak fasal-fasal yang terkandung dalam Undang-undang Kanun Tanah Negara ini masih ada perkara-perkara yang tidak begitu kemas dan tidak begitu sesuai dengan keadaan-keadaan tempatan di dalam bahagian negeri masing-masing.

Yang Berhormat Menteri tadi telah menyebutkan berkenaan dengan perkara T.O.L., kesusahan-kesusahan ataupun larutan-larutan masa untuk menyambung T.O.L. dan sebagainya dan tentang salah satu daripada tindakan yang diambil untuk meminda supaya sambungan-sambungan itu akan dapat diselesaikan segera. Ini adalah satu tindakan yang sangat baik dan patut diberi sanjungan.

Ada satu perkara yang saya rasa patut juga diambil perhatian oleh Yang Berhormat Menteri berhubung dengan title tanah-tanah yang ada mungkin berlainan di antara sebuah negeri dengan sebuah negeri yang lain berhubung dengan syarat khas (condition) tanah itu. Yang saya tahu di negeri saya (Trengganu) banyak daripada title tanah-tanah K.R.M. yang saya maksudkan jenis penggunaan tanah ditulis "kampung". Pada fahaman orang Trengganu mungkin barangkali pada masa dahulu bahasanya itu tidak begitu baik kerana Dewan Bahasa dan Pustaka pada masa itu belum ada lagi maka bagi orang Trengganu bila disebut "kampung" maknanya "perkampungan"—rumah-rumah tempat orang duduk, tetapi mengikut Kanun Tanah Negara, bila disebut

"kampung" dia tafsirkan kepada pertanian. Dengan sebab tafsiran itu dan syarat tanah pertanian berlainan dengan syarat tanah yang merupakan perumahan, maka timbulah kerumitan-kerumitan dan kesusahan-kesusahan kepada penduduk-penduduk kampung terutama sekali ataupun tuan-tuan tanah ini iaitu bila sampai kepada masaalah hendak mendirikan rumah-rumah baru, sebab perancang keluarga di Malaysia ini baru sangat, masa dahulu tak ada perancang keluarga, jadi pertumbuhan manusia tidak disekat. Satu famili kadang-kadang mempunyai 10 orang anak dan kalau sampai sekarang bererti kalau dahulu dalam satu ekar tanah ataupun 2 ekar tanah yang ditulis "kampung" ada sebuah rumah ibubapanya, tetapi hari ini dengan sebab banyak anak (famili yang besar) maka mereka berkehendak mendirikan beberapa buah rumah yang lain untuk anak-anak itu yang telah besar dan berumah-tangga.

Maka mengikut undang-undang apa yang difahamkan oleh Pegawai Tanah bila tanah itu ditafsirkan tanah pertanian, maka tidak boleh didirikan rumah lebih daripada sebuah. Itu yang difahamkan kepada orang ramai. Kalau hendak juga buat rumah baharu di atas tanah itu maka terpaksa katanya kena tukar syarat khas tanah tadi daripada kampung yang ditafsirkan pertanian itu kepada perumahan, baharu boleh dibuat rumah baharu. Maka masalah tukar tanah ini tadi saudara saya Yang Berhormat Tuan Ibrahim telah menerangkan sampai hari ini belum ada perubahan, boleh dikatakan 90% mengambil masa yang sangat lama. Kalau dapat selesai dalam masa enam tujuh bulan, itu sudah nasib baik, kecualilah yang 10% itu yang istimewa, yang tidak boleh kita sebutkan di sini. Adakalanya memakan masa sampai bertahun-tahun baharu selesai untuk tukar syarat.

Lepas itu terpaksa barangkali kalau anak-anak itu fikir lebih baik minta dibahagi-bahagikan bahagian masing-masing, maka hendak juga kita pecah-pecahkan lot. Maka pecah lot ini pula ada peraturan-peraturan yang telah diberitahu. Kalau sekiranya satu tanah dalam satu geran itu hendak dipecahkan kepada tiga orang anak, kenalah dibuat pertama sekali dipanggil separation of lots, menceraikan-ceraikan bahagian itu. Selesai perkara separation of lots tadi baharulah boleh kalau kita hendak buat permohonan memecah bahagian-bahagian sub-division

misalnya. Ini mengambil masa bertahun-tahun dan kalau kira keadaan pada hari ini bermakna kemajuan-kemajuan yang pesat yang berlaku di tanahair kita, pembangunan-pembangunan yang dikehendaki di seluruh bandar dan pekan maka ini adalah salah satu dari penghalang yang besar kepada kemajuan pekan ataupun bandar-bandar tadi dan dengan sebab-sebab keadaan ini saya suka menyatakan berlaku di Negeri Trengganu pembangunan perumahan di Trengganu telah tergendala.

Ada setengah-setengah pemaju-pemaju perumahan misalnya dahulu yang cuba masuk ke Trengganu lari semula keluar kerana katanya dia menanggung kerugian sebab bila dia beli sekeping tanah hendak menggunakan selesai hendak mendirikan rumah mengambil masa bertahun-tahun.

Pertama tukar syarat.

Yang kedua memecahkan bahagian.

Yang ketiga, hendak buat sub-division, bertahun-tahun mengambil masa dan ini adalah disebabkan bukan setengah-setengahnya kerana sengaja pegawai-pegawai itu, tetapi oleh kerana sekatan undang-undang tadi, peraturan-peraturan barangkali by-rule ataupun sebagainya.

Perkara-perkara yang seumpama inilah yang saya harap akan berkenaan, yang boleh kepada Yang Berhormat Menteri tolong mengambil perhatian—look into it dan kalau boleh diperbetulkan. Berkenaan dengan kelambatan-kelambatan itu kalau boleh diselarasakan, diberi arahan ataupun sebagainya kepada Jabatan-jabatan Tanah di negeri-negeri supaya walaupun undang-undang tidak dipinda ataupun land rule belum dipinda, mana-mana perkara, peraturan-peraturan lama iaitu peraturan-peraturan lapuk yang telah dipusakai dari masa zaman penjajahan dahulu hendaklah dielakkan, diatasi, di-langkah asalkan perkara-perkara itu tidak melanggar bulat-bulat kepada Kanun Tanah Negara ini kerana apa yang saya tahu perkara-perkara yang seumpama itu biasanya kadang-kadang bukan undang-undang hanya peraturan, tetapi peraturan itu tidak dipinda, dibiarkan begitu sahaja, kena pula setengah-setengah pegawai kita ini, minta maaf, saya kata bukan semua, setengah-setengah daripadanya dia langsung tidak mahu menggunakan inisiatif dia sendiri, dia hanya tengok

apa yang tercatat di situ. Ini tidak boleh, di-senyap di situ, tidak mahu dia mencari jalan supaya membolehkan perkara ini supaya dapat dipercepatkan ataupun dielakkan perkara-perkara yang boleh menjadikan kelambatan tadi.

4.05 ptg.

Tuan Haji Abdul Rahim bin Abdul Manan: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong Rang Undang-undang Kanun Tanah Negara (Pindaan) dan saya harap bukanlah sahaja kali ini pihak Kementerian yang berkenaan akan mendatangkan beberapa pindaan, tetapi dapat mengkaji semula dengan sepenuh-penuhnya Kanun Tanah Negara ini, mana yang tidak sesuai lagi patutlah digantikan.

Sebagaimana yang dinyatakan oleh sahabat saya tadi kita sendiri faham berkenaan dengan tanah ini adalah satu perkara yang paling rumit, yang susah hendak diatasi, tetapi kesusahan itu sehingga ada yang sampai 20 tahun ataupun 25 tahun tidak dapat diatasi. Misalnya untuk mengeluarkan hakmilik lesen-lesen sementara yang diberi kepada rakyat 20 tahun dahulu hingga hari ini ada yang belum lagi diberikan hakmilik yang sempurna, sehingga menyusahkan pula pemilik-pemilik lesen sementara itu kerana kalau diberikan hak-milik penuh pada 10 tahun yang lalu cukainya berbeza. Misalnya kalau diberikan hak-milik tanah itu 10 tahun dahulu cukainya satu lot S2 maka hari ini cukai yang S2 itu sudah pergi S80 atau S90, mengikut keadaan cukai yang baharu dipinda baharu-baharu ini. Dan juga saya harap masaalah pindaan cukai yang dibuat baharu beberapa tahun yang lalu, kalau boleh dikaji semula sehingga tidak memberatkan penduduk-penduduk yang di tepi bandar kerana penduduk-penduduk yang di tepi bandar yang saya maksudkan ini dikatakan luar bandar—keluar istilahnya—dikatakan dalam bandar pun tidak masuk, tetapi cukainya hendak diikuti luar bandar pihak Pemungut Hasil Tanah tidak mahu kerana tanah ini hampir sangat dengan bandar. Saya harap satu peraturan yang lengkap, yang tidak memberatkan rakyat akan dapat dibuat.

Begitu juga ada satu perkara yang sangat menyulitkan walaupun tujuannya asalnya peraturan ini dibuat yang mana ada hakmilik yang diberikan kepada rakyat di dalamnya tercatat tidak boleh jual, tidak

boleh gadai, tidak boleh pindah hakmilik ini melainkan kelulusan Raja dalam mesyuaratnya. Bila kala perkataan ini tercatat, maka sangat menyulitkan kepada rakyat, terutama sekali bumiputra apabila sampai masa pembangunan ini kalau hendak pergi cagar kepada bank, bank tidak berani terima. Kalau hendak minta kelulusan Raja dalam mesyuaratnya mungkin memakan satu bulan, dua bulan, kadang-kadang sampai enam bulan perkara ini tidak juga selesai, tidak juga dapat kelulusan dan ada pula sehingga tidak sanggup lagi warisnya untuk menuntut pusaka yang dimiliki oleh bapanya kerana ada syarat ini manakala hendak dituntut pusaka ini kena bayar terlampau tinggi. Satu tanah yang mempunyai satu lot 100 hingga 120 kaki ditaksir oleh pihak Penaksir \$50,000 tanah itu. Bila jumlah taksirannya sampai \$50 ribu maka kenalah cukai setemnya dibayar oleh pihak yang menuntut ini kepada Kerajaan, sebab tanah ini ada di dalamnya tertulis tidak boleh digadai dan tidak boleh pindah milik. Kalau hendak gadai, hendak pindah milik, hendaklah minta kebenaran. Kalau maksud minta kebenaran terpaksa di nilai semula; malangnya pihak penilai tidak tahu macam mana kira-kiranya kadang-kadang tanah itu kalau dijual dengan secara open market tidak berani dibeli oleh orang \$10 ribu tetapi pihak penilai menaksir tanah itu berharga \$20 ribu. Ini rasa saya adalah satu perbuatan yang menyusahkan rakyat.

Kalau sekiranya pihak rakyat berkata, ini tidak patut, pihak Pegawai Daerah menjawab dia tidak tahu, kerana ini pihak penilai yang membuatnya, dan dia mempunyai tauliah menilainya hak itu. Ini satu perkara barangkali yang ada kaitannya dengan apa yang saya nyatakan tadi bahawa satu peraturannya dicatat di dalam hakmilik itu tidak boleh gadai dan tidak boleh dijual. Saya harap perkara ini dapat penyemakan semula supaya perkara itu tidak dimasukkan jika yang sudah itu kalau boleh hendaklah ditarik semula.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga kasihan di atas pegawai-pegawai pentadbir tanah ini kerana masalah ini adalah satu masalah yang paling rumit sekali terutama sekali dalam undang-undang pindaan ini nampaknya akan menjatuhkan hukuman yang berat kepada peneroka-peneroka yang menduduki tanah haram. Ini satu peraturan yang baik.

Saya harap pada melaksanakan undang-undang yang dibuat ini timbang rasa yang paling tinggi patut dibuat untuk melaksanakannya.

Tuan Yang di-Pertua, sekianlah sahaja pandangan saya di dalam masalah Kanun Tanah Negara ini. Saya adalah menyokong dengan sepenuh-penuhnya.

4.14 p/g.

Datuk Haji Nik Hassan bin Haji Nik Yahya: Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Rang Undang-undang ini dan mengucapkan tahniah kepada Kementerian yang berkenaan kerana telah mengambil satu usaha yang sungguh-sungguh di dalam memperbetulkan apa yang telah berlaku begitu lama di dalam negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, masalah tanah ini adalah satu masalah yang besar. Kesilapan yang berlaku dalam perkara tanah boleh menumpahkan darah, boleh menimbulkan huru-hara, boleh membangkitkan perbicaraan yang berlanjutan sehingga boleh menghabiskan wang yang sangat banyak untuk menyelesaikan satu-satu masalah tanah. Masalah tanah ialah di bawah kuasa Negeri. Kalau kita telitikan dengan betul maka masalah tanah adalah satu masalah yang sangat rumit yang susah hendak diselesaikan oleh Kerajaan Pusat melainkan mendapat sokongan, mendapat perhatian dan mendapat kerjasama yang bersungguh-sungguh daripada pihak Kerajaan Negeri. Kalau sekiranya Kerajaan-kerajaan Negeri tidak memberi sokongan yang jujur kepada usaha dan niat Kerajaan Pusat bagi memperbetulkan kedudukan pentadbiran tanah dan sebagainya, maka usaha bagi memperbetulkan apa juga perkara yang berkaitan dengan tanah ini tidak akan dapat diselesaikan.

Mengadakan satu undang-undang adalah satu daripada usaha bagi memperbetulkan kesilapan-kesilapan yang berlaku. Tetapi perkara perlaksanaan undang-undang adalah lebih besar daripada kerja mengadakan undang-undang, kerana perlaksanaanlah biasanya yang menyebabkan kesusahan kepada Kerajaan untuk mengaturkan undang-undang yang sesuai dengan keadaan masa. Umpamanya dalam undang-undang ini kita telah mengadakan satu pindaan yang begitu baik untuk mengawal supaya tidak

dapat mereka yang jahat itu memiliki tanah Kerajaan dengan cara haram, menebang pokok-pokok kayu balak di dalam hutan rimba dengan tidak mendapat lesen dan sebagainya. Maka ini adalah satu daripada fasal dalam undang-undang ini yang sangat baik, satu usaha yang bersungguh-sungguh yang ditunjukkan oleh Kerajaan Pusat untuk mengawal harta benda Kerajaan itu supaya tidak disalahgunakan oleh pihak-pihak yang berkenaan. Tetapi untuk melaksanakan dan untuk menguatkuasakan undang-undang ini adalah satu masalah yang rumit. Hutan rimba ini ialah satu tempat yang jauh daripada pekan dan bandar. Kayu-kayu balak itu berada di dalam kawasan yang berpuluh-puluh dan beratus-ratus batu jauhnya daripada jalan dan daripada tempat yang boleh dihubungi.

Dalam harga kayu balak yang tinggi, pasaran yang begitu berkehendakkan kepada kayu-kayu balak yang baik, dengan kerana kedudukan kayu-kayu balak itu jauh daripada jalan dan susah hendak dicari, maka itulah timbul reket-reket yang mengambil kayu-kayu balak secara haram. Ada orang meminta kawasan-kawasan balak dengan Kerajaan walaupun kawasan itu tidak ada kayu balak yang boleh dijual, tetapi dengan satu tujuan iaitu untuk mencuri kayu-kayu balak yang berhampiran dengan kawasan yang tidak ada kayu balak di situ. Reket-reket ini telah jelas kepada kita daripada usaha Kerajaan mengadakan Undang-undang ini iaitu dengan tujuan supaya dapat dikuatkuasakan bagi menangkap, menahan orang-orang yang menggunakan bulldozer, menggunakan trektor, menggunakan lori-lori, jentera yang begini besar untuk mencuri harta Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, bulldozer ini bunyinya kuat; trektor kalau duduk setengah batu, sebati pun sudah dengar bunyinya, apatah lagi kerja untuk memotong kayu balak dengan cara bulldozer, trektor dan lori dan sebagainya. Ini adalah satu pencurian yang bukan lagi sulit. Ini adalah satu pencuri yang di hadapan mata Kerajaan, di hadapan mata pegawai-pegawai forest dan sebagainya. Ini satu reket secara terbuka menguasai tanah-tanah Kerajaan, hutan-hutan Kerajaan yang mana tidak patut kita biarkan berlaku begitu lama sehingga terpaksa kita buat satu undang-undang untuk menahan reket-reket yang begini besar.

Pada saya kalaulah kita luluskan undang-undang ini tetapi dengan tidak perbetulkan kakitangan dan pegawai perhutanan yang ada dalam negara kita hari ini; lori yang begitu besar, bulldozer yang begitu bising akan masuk ke dalam hutan rimba itu, akan bekerja bagaimana adanya undang-undang ini, walaupun undang-undang ini ada tetapi penguatkuasaannya itu belum dapat menjamin yang undang-undang ini akan dapat berjalan, sekiranya kita tidak mengambil satu tindakan yang tegas kepada penyusunan semula Jabatan-jabatan Hutan kita, mereka yang menjadi ahli mengawal ataupun mereka yang bertanggungjawab menjaga harta benda Kerajaan di dalam hutan rimba. Saya percaya Yang Berhormat Menteri Kemajuan Tanah tidak pernah masuk dalam hutan rimba pergi melihat bagaimana hutan rimba dicuri oleh orang. Dan barangkali bukan sahaja Menteri, Ketua Pejabat Hutan Negeri sendiri pun, saya rasa jarang sekali memasuki hutan rimba untuk melihat bagaimana pokok dipotong, ditebang dan dicuri oleh mereka yang berada dengan cara reket ini, dan kemungkinan kita dapat mengetahui berapa banyak tanah-tanah hutan yang diberi kepada S.E.D.C. yang diberi kepada FELDA yang sekarang masih dicuri, dipotong dan dibawa keluar dengan tidak setahu pihak-pihak FELDA, tidak setahu pihak S.E.D.C. yang masih berjalan pada masa kita mengadakan mesyuarat pada hari ini.

Saya yakin pihak Ketua-ketua pejabat yang ada di bilik dingin di Kuala Lumpur ini tidak mengetahui tanah FELDA yang ada di hutan-hutan rimba yang dimiliki oleh FELDA itu sekarang masih dicuri oleh kumpulan reket-reket ini. Bukanlah mereka sendiri—pemodal reket itu yang pergi mencuri kayu balak, mereka hantar bulldozer, mereka hantar kuli, mereka hantar orang-orang yang tidak ada taraf untuk masuk ke dalam hutan rimba bekerja memotong dan mencuri kayu itu. Tokeh besar, yang menjadi ketua reket ini duduk di Kuala Lumpur, duduk di Bandar Ipoh, duduk di bandar Kuala Trengganu, duduk di Johor Bharu, tetapi pekerja-pekerjanya yang masuk hutan rimba mencuri. Pendedahan yang sewajarnya patut dibuat oleh Kerajaan. Satu usaha mencari tokeh-tokeh, kepala-kepala kapitalis yang menjalankan usaha pencurian ini patut dipecahkan, patut diusahakan bukan sahaja oleh Kerajaan Pusat, bukan sahaja oleh

Kerajaan tetapi oleh B.S.N. yang telah kita tubuhkan iaitu Biro Siasatan Nasional. Saya tidaklah mahu B.S.N. ini menyiasat cuma segolongan orang sahaja, tetapi pergilah masuk ke dalam hutan rimba, tengoklah pokok-pokok hutan yang dicuri oleh kumpulan-kumpulan jahat ini. Ini saya rasa patut mendapat perhatian daripada pihak yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, orang-orang kampung kita yang berkehendakkan tanah sedikit sebanyak cukuplah susah. Umpamanya yang hendak hidup dengan tanah T.O.L. hendak menanam sayur, hendak menanam pokok ubi, kehidupan mereka cukuplah susah. Mereka memandang tanah yang mereka duduki sejengkal itu bukan main tinggi harganya. Tetapi bagi kaum-kaum pemodal yang besar mereka berunding di peringkat atas, dengan cara senyap-senyap mereka dapat memiliki tanah yang beribu-ribu ekar, berpuluh ribu ekar memiliki tanah hutan yang besar-besar dengan tidak sedikit pun mendapat kesusahan. Bagi rakyat yang tinggal di kampung, dia terasa apakah sebab benda ini berlaku, tentulah perasaan mereka kurang senang kerana mereka itu hidup dalam kesusahan manakala orang yang mempunyai harta yang pandai bercakap dan berunding itu dengan senang sahaja mendapat benda-benda yang begitu besar.

Saya tidak dapat mengesyorkan memberi pandangan kepada Kementerian untuk berunding dengan Kerajaan Negeri supaya Kerajaan Negeri lebih bercermat dalam mengeluarkan hakmilik tanah yang besar-besar dalam mengeluarkan hakmilik tanah hutan yang besar-besar supaya dapatlah negara kita ini terselamat daripada di bolot oleh kaum-kaum yang kaya ini dengan meninggalkan orang kampung dalam keadaan tidak bertanah. Kalau sekiranya kita cadangkan kepada Kerajaan Pusat supaya menguasai tanah itu salah kerana dasar Kerajaan ialah tanah itu hakmilik Negeri dan kuasa mentadbir tanah itu duduk pada Kerajaan negeri. Tetapi saya rasa Yang Berhormat Menteri Kemajuan Tanah boleh menggunakan satu kaedah dengan jasa baik dan kepandaiannya dalam memujuk Kerajaan-kerajaan Negeri supaya bercermat dalam pembahagian tanah supaya tidaklah pembahagian tanah secara besar-besaran itu dengan mudah sahaja dikeluarkan kepada mereka yang tidak patut diberi.

Terutama sekali umpamanya kita dapat dengar di negeri-negeri lain, di negeri-negeri yang maju, tanah menjadi satu masaalah yang besar, mereka tidak suka tanah mereka itu diberi milik kepada orang asing, tanah kita ini diberi milik kepada orang asing. Jadi kalau boleh biarlah kita jaga tanah kita itu, janganlah pemodal-pemodal besar di Singapura datang ke Malaysia ini memiliki tanah-tanah di Malaysia ini dengan secara besar-besaran, dengan menggunakan harta benda mereka untuk memiliki kawasan-kawasan tanah yang besar dalam negara kita ini. Ini kita rasa perlu dijaga dan dikawal dan saya rasa tujuan asal dalam Perlembagaan kita memberi kuasa hakmilik memberi kuasa tanah itu kepada negeri ialah dengan tujuan untuk mengelakkan daripada berlakunya pembahagian tanah, penjualan tanah dengan cara besar-besaran kepada orang-orang asing yang boleh merosakkan ekonomi negara. Itulah tujuan pada asalnya Perlembagaan kita yang disusun cara begitu supaya dapat menyelamatkan bumi Malaysia ini daripada terlepas kepada tangan orang-orang asing tetapi nampaknya kerana kita berkehendakkan kepada kemajuan yang lebih, kerana kita takut modal luar negeri tidak masuk, kerana kita bimbang kita tidak akan menjadi satu negara yang maju, maka kita bagi tanah untuk memajukan negara kita.

Ini saya rasa silap sedikit kerana mereka yang hendak memajukan, hendak mencarikan kemajuan di negara kita ini, kita boleh berikan pertimbangan tetapi tidak mesti melebihi daripada hal yang patut apa yang berlaku dalam negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidaklah hendak huraikan satu persatu perkara yang timbul berkenaan dengan tanah dalam negara kita ini kerana udara sekarang pun kurang elok bagi saya mengemukakan perkara-perkara seumpama ini, maka lebih baiklah saya berhenti setakat itu sahaja dengan saya mengucapkan terima kasih.

4.29 ptg.

Tuan Kamarul Ariffin bin Mohd. Yassin: Tuan Yang di-Pertua, tidak berapa lama dahulu saya pernah mendengar salah seorang pegawai Kerajaan mengatakan negara kita ini masih banyak lagi mempunyai tanah. Saya tidak bersetuju dengan pendapat pegawai itu, kerana kalau kita pandang pada

masa sekarang ini mungkin betul kita ada sedikit lagi tanah yang boleh kita keluarkan, tetapi kalau kita pandang pada masa yang agak jauh sedikit 20-30 tahun ke hadapan mungkin kita akan menjadi sebagai negara Jepun. Tanah menjadi satu rebutan yang boleh membawa pertelingkahan. Perkara tanah ini sudah menjadi satu perkara sensitif dan itulah sebabnya kita terpaksa berjaga-jaga dan sentiasa menentukan supaya undang-undang tanah kita itu bukan sahaja baik tetapi juga adil.

Saya ucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri yang membawa Rang Undang-undang ini kerana dapat mempengaruhi Kerajaan-kerajaan Negeri supaya bersetuju membawa dari semasa ke semasa pindaan kepada Kanun Tanah Negara, kerana ini adalah satu undang-undang yang mengikut Perlembagaan kita terpaksa kita berbincang dalam Majlis Tanah Negara sebelum dikemukakan di Parlimen dan saya harap dari semasa ke semasa Yang Berhormat Menteri dapat mempengaruhi Kerajaan-kerajaan Negeri supaya meminda jika didapati undang-undang itu tidak sesuai lagi bagi kehendak dan kebaikan rakyat negara kita ini.

Saya hanya hendak menyentuh dua perkara sahaja di bawah Rang Undang-undang yang dikemukakan ini iaitu berkenaan dengan Fasal 12 dan 14 seperti juga yang telah disebutkan oleh sahabat saya Yang Berhormat Datuk Haji Nik Hassan sebentar tadi. Mengadakan undang-undang itu adalah satu perkara, dan melaksanakan undang-undang itu adalah satu perkara lain. Saya rasa kalau kita luluskan sahaja undang-undang dan tidak dikuatkuasakan dengan betul-betul—itu tidak ada maknanya. Kita sedar berapa banyaknya tanah-tanah yang telah diterokai dengan secara haram. Ada tindakan yang telah diambil dan banyak lagi tindakan-tindakan yang belum diambil. Di sini terpaksa kita pandang atau kita cari sebab-sebabnya kenapa tidak dilaksanakan. Kalau dahulu tidak ada undang-undang, sekarang ini kita sudah adakan undang-undang, tetapi tidak habis di situ sahaja. Hendak melaksanakan undang-undang itu adalah satu perkara yang agaknya bukan senang. Saya rasa perkara yang sukar sekali ialah pertamanya kekurangan tenaga yang hendak mentadbirkan undang-undang itu, baik dari segi tanah atau dari segi hutan yang mungkin di bawah jajaan Jabatan

Hutan, kedua-duanya kita dapati di seluruh negara kita ini kekurangan pegawai. Tetapi yang anihnya kadang-kadang bila kita soalkan perkara itu Jabatan yang berkenaan mengatakan, mereka sudah cukup pegawai-pegawai. Saya rasa perkara itu memang tidak betul, kita memang kurang pegawai-pegawai dari peringkat atas sampai ke peringkat bawah. Kalau kita mempunyai pegawai yang cukup takkan berlaku perkara yang semacam ini yang mana tanah-tanah telah diterokai secara haram, telah dibuka dan dikerjakan secara haram. Betul ada perkara-perkara yang curang telah berlaku yang mana pegawai-pegawai tidak menghiraukan dengan erti kata lain telah "memejamkan matanya sebelah", sungguhpun dia nampak perkara-perkara itu telah berlaku tetapi oleh kerana dorongan lain didiadakan sahaja, perkara yang semacam itu memang ada berlaku, tetapi rasa saya perkara yang besar sekali ialah memang kita sangat-sangat kekurangan tenaga untuk melaksanakan undang-undang ini.

Kita pandang sahaja apakah kemampuan Jabatan Tanah. Rasa saya di dalam satu daerah tidak berapa banyak Settlement Officers yang bertugas untuk menentukan yang tanah-tanah Kerajaan tidak digunakan oleh peneroka-peneroka haram ini. Pegawai pegawai Daerah, Pemungut-pemungut Hasil Tanah sebok dengan kerja-kerja lain di bawah Rancangan Malaysia Kedua untuk menjayakan daerah-daerah itu.

Peneroka-peneroka tanah haram ini bukannya berlaku di pinggir bandar. Kalau di pinggir bandar itu barangkali senang sedikit nampak oleh pegawai-pegawai yang mengawasi di situ, biasanya berlaku luar daripada bandar yang bersempadan dengan hutan. Di sinilah selalunya kita dapati pegawai-pegawai di peringkat daerah tidak pernah sampai ke tempat itu. Kadangkala oleh sebab tidak ada kenderaan, tidak ada jalan hendak ke tempat itu. Di sini saya suka membuat suatu syor supaya membolehkan pegawai-pegawai yang berkenaan mengawasi yang tanah-tanah Kerajaan tidak dibuka oleh peneroka-peneroka haram ini.

Dari segi kawasan-kawasan yang luar daripada bandar, saya rasa terpaksa Jabatan-jabatan terutama sekali dari segi peringkat daerah ataupun mungkin daripada peringkat Negeri mengawasinya daripada udara. Saya rasa kita boleh meminjam dari

semasa ke semasa kapal terbang atau helikopter Kerajaan bagi pegawai-pegawai ini menentukannya bahawa tidak ada kawasan tanah Kerajaan yang diterokai oleh peneroka-peneroka haram itu tadi. Kalau kita hendak pergi dengan secara berjalan kaki, barangkali tidak ada pegawai yang sanggup pergi, barangkali tidak ada pegawai yang berani pergi. Tetapi kalau dari semasa ke semasa Jabatan Tanah pergi meninjau dari udara mungkin terdapat di manakah ada tanah-tanah haram yang telah dibukai oleh peneroka-peneroka ini. Saya tahu banyak kawasan-kawasan yang berhampiran dengan gunung di antara sempadan negeri Pahang dengan negeri Selangor, negeri Perak dengan negeri Pahang, banyak tanah-tanah yang telah dibuka, tetapi tidak berani pegawai-pegawai ini pergi menyelidik, barangkali ada yang tidak tahu. Tetapi kalau kita ada rancangan supaya perkara ini diawasi dengan secara modern menggunakan alat-alat modern seperti helikopter ataupun kapal-terbang kecil, dan boleh kita serbu mereka, maka itu agak saya akan lebih berkesan. Saya harap perkara ini dapat pertimbangan Kerajaan dengan sewajarnya.

Perkara yang kedua yang saya hendak kemukakan di sini sungguhpun ini tidak ada peruntukan di dalam Rang Undang-undang ini, tetapi ialah perkara umum yang rasa saya dari semasa ke semasa bolehlah Kementerian mengkajinya dan jika didapati perlu memindanya. Ini berkenaan dengan syarat-syarat khas yang telah disebutkan oleh sahabat-sahabat saya terdahulu daripada saya tadi berkenaan dengan seksyen 120 Kanun Tanah Negara—berkenaan dengan syarat-syarat khas.

Kita sedar, banyak tanah yang telah diluluskan yang telah diberi milik, sebelum kita merdeka—boleh dikatakan semenjak Kerajaan British mengambil-alih pentadbiran di negara kita. Kalau kita pandang kepada tanah-tanah di Kuala Lumpur ini sahaja masih ada lagi tanah-tanah yang pada masa dahulu tahun 1920 umpamanya, semasa diberi milik dikhaskan supaya penduduknya, bukan pemiliknya, penduduknya, mestilah orang yang berbangsa yang dipersetujui oleh Chief Secretary pada masa itu.

Rasa saya perkara semacam itu sudah tidak patut lagi berlaku semasa kita merdeka, mungkin perkara semacam itu juga bertentangan dengan Perlembagaan negara kita

(unconstitutional). Perkara semacam itu masih ada lagi, umpamanya di kawasan Jalan Maxwell, (sekarang Jalan Tun Doktor Ismail) yang pada satu masa dahulu tidak dibenarkan duduk bukan sahaja dimiliki, diduduki selain daripada bangsa Inggeris. Sampai sekarang di dalam surat-surat hakmilik perkara-perkara itu masih lagi dicatitkan. Jadi sebelum seseorang itu boleh duduk di kawasan itu terpaksa dia meminta kebenaran daripada Chief Secretary, dan rasa saya sekarang ini barangkali daripada Pesuruhjaya Tanah Wilayah Persekutuan. Perkara yang semacam ini yang telah timbul beberapa lama dahulu patutlah dikaji semula dengan cara mendalam, dan jika perlu dinasihatkan kepada Kerajaan Negeri supaya mengambil tindakan yang sewajarnya untuk menentukan yang tanah-tanah itu bersesuaian dengan kemerdekaan negara kita. Itulah pendapat saya terhadap Rang Undang-undang ini dan saya menyokong dengan sepenuhnya.

4.42 ptg.

Datuk Haji Mohamed Asri bin Haji Muda: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat Senator yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan mengenai dengan Rang Undang-undang ini.

Seperti mana yang telah saya nyatakan dalam ucapan mula-mula tadi bahawa Rang Undang-undang sebahagian besarnya adalah bertujuan untuk mengemaskan lagi susunan pentadbiran di Jabatan-jabatan Tanah kita dan sambil menyusun semula beberapa perkara yang penting terutama sekali dalam bahagian pencerobohan tanah-tanah Kerajaan secara haram. Ramai Ahli-ahli Yang Berhormat menyebutkan tentang soal kelambatan dalam perkara-perkara menukar hakmilik, menukar syarat dan lain-lain lagi. Sebenarnya sepanjang rekod yang ada pada pihak Kerajaan sekarang ini, kelambatan itu sudah mulai berkurangan dari satu masa ke satu masa. Soal yang besar yang dihadapi sekarang ini ialah seperti juga pendapat beberapa orang Ahli Yang Berhormat tadi iaitu kekurangan kakitangan. Sememang terasa benar bagi Kerajaan kita sekarang ini masih tidak cukup kakitangan dan kekurangan kakitangan-kakitangan yang terlatih, sebab itulah pada masa sekarang ini pihak Kementerian ini melalui Jabatan Pentadbiran Tanah Persekutuan mengadakan

dari satu masa ke satu masa kursus-kursus yang lebih intensif bagi memberikan latihan dalam perkara Pentadbiran Tanah secara lebih mendalam kepada pentadbir-pentadbir tanah, dan kita juga mengharapkan kepada pihak Kerajaan terutama Kerajaan Negeri supaya pengkhususan dalam perkara-perkara tanah ini patut diwujudkan sekarang. Perkara ini telah pun berbangkit dalam Seminar Pembangunan Tanah pada masa yang lepas.

Satu daripada kelemahan yang dialami oleh Pentadbiran Tanah ialah oleh kerana pengalaman yang ada kepada pentadbir tanah itu biasanya tidak lama dapat digunakan bagi hal-hal yang mengenai dengan tanah. Apabila mereka telah mendapat kursus, latihan dan perkara pentadbiran tanah dan kemudian mereka berkhidmat yang kadangkang tidak sampai 2 tahun mereka terpaksa dipindahkan kepada pentadbiran yang lain, oleh kerana pertukaran kenaikan pangkat atau sebagainya. Adalah diharapkan pada masa akan datang apabila pihak Kerajaan mempersetujuinya supaya sistem pentadbiran tanah ini diatur dengan lebih baik maka soal pertukaran kenaikan pangkat tidak berbangkit lagi pada masa akan datang. Yang demikian pentadbiran tanah ini dapat berjalan dengan lebih wajar dan lebih baik dari masa-masa yang lampau, dan saya percaya bahawa soal kelambatan itu tidak akan timbul lagi pada masa akan datang.

Berhubung dengan pandangan Yang Berhormat Senator Ibrahim bin Haji Yaacob berkenaan dengan Syarikat Kerjasama Serbaguna yang dipunyainya sendiri meminta hendak menukar syarat daripada pertanian kepada perusahaan, perkara itu bersabit dengan 120 ekar tanah di dalam satu keluasan yang beribu-ribu ekar untuk diusahakan mengeluarkan batu. Perkara ini sebenarnya ada sedikit kerumitan. Kita tidak dapat menyalahkan peraturan itu sendiri dan tidak juga dapat menyalahkan kepada sistem pentadbiran yang berjalan sekarang, sebab perkara ini kalau dibuat dengan cara lebih mudah ada pula timbulnya kesulitan barangkali syarikat kerjasama ini akan menanggung kerugian yang lebih besar sebab satu perkara yang harus kita faham, cukai atas hasil tanah pertanian dengan hasil tanah perusahaan adalah berlainan dan amat jauh bezanya dan kalau sekiranya tidak payah diasingkan 120 ekar untuk perusahaan tadi, kalau semua hendak ditukar kepada

perusahaan, maka ini melibatkan bayaran hasil yang amat besar, dan kalau sekiranya tidak ditukar daripada bentuk jenis pertanian kepada perusahaan, maka Negeri yang menanggung kerugian besar dan ini pula menyalahi peraturan, sebab dalam Kanun Tanah Negara kita, kita boleh meletakkan tiga kategori dalam soal jenis-jenis tanah itu sendiri. Satu daripada kategorinya ialah perusahaan, cuma soal yang dibangkitkan ialah kerana kelambatan. Saya percaya perkara ini tidak payah dibetulkan dari segi peraturan, tetapi dibetulkan dari segi kecerdasan. Saya percaya perkara ini dapat di-segerakan dengan seberapa boleh yang mungkin.

Yang Berhormat Senator Datuk Mansor yang membangkitkan perkara syarat-syarat khas yang ada dalam title tanah seperti yang berlaku di negeri Trengganu, mengikut title yang ada pada tanah yang sebahagian besarnya dalam Negeri Trengganu menggunakan kategori "kampung" dan mengikut istilah Kanun Tanah Negara sekarang ini "kampung" itu termasuk dalam kategori pertanian. Yang susahnya kata beliau bila hendak buat rumah, dia tidak boleh buat lebih daripada sebuah rumah. Kalau hendak buat rumah yang banyak terpaksa diubah lagi syaratnya daripada "kampung" atau "pertanian" kepada "perumahan". Ini pun serupa juga. Bagi orang yang dekat dengan bandar yang perkembangan perumahan begitu pesat, saya rasa sulit dengan wujudnya syarat-syarat "tanah kampung" iaitu sama dengan pertanian, sebab mereka berkehendakan membuat rumah yang banyak. Tetapi bagi penduduk yang di luar bandar barangkali ini menguntungkan mereka, sebab kalau syarat kampung itu dipindahkan kepada syarat perumahan maka hasil atau cukai tanah itu lebih besar daripada cukai syarat kampung itu sendiri. Inilah persoalan yang timbul sekarang. Ada setengah kawasan yang baru masuk dalam kawasan bandar baru, mereka meronta-ronta memikirkan bagaimanakah caranya penghidupan mereka sekarang, sebab apabila tanah itu masuk kawasan bandar, maka seluruh tanah itu tidak lagi menjadi tanah pertanian, ianya jadi tanah perumahan, sedangkan tanah mereka ada satu ekar dan sebuah rumah di atasnya, dan di sekeliling penuh dengan pokok-pokok seperti kelapa dan sebagainya, tetapi mereka kena bayar cukai kepada Kerajaan dan

sebagainya. Ini problem yang dihadapi oleh rakyat sekarang, berkenaan dengan title tanah ini sendiri.

Saya percaya sebabnya yang jadi syarat khas yang ada di Trengganu seperti syarat kampung tidak ditulisnya pertanian, kerana geran-geran itu dikeluarkan sebelum daripada 1-1-1966 yakni sebelum daripada diluluskan Kanun Tanah Negara yang dipakai pada masa sekarang ini. Ada pun tanah-tanah yang dikeluarkan baru selepas 1-1-1966 semuanya mengikut kaedah yang dipakai kaedah Kanun Tanah Negara itu sendiri, ini terbagi kepada tiga jenis tanah: pertanian, perumahan dan perusahaan. Dengan demikian, saya rasa adalah sedikit sulit dalam perkara ini. Walau bagaimana sekalipun, saya percaya tentang soal memberikan beberapa kemudahan terhadap syarat-syarat khas ini boleh dirundingkan di peringkat Negeri sahaja, sebab keadaan yang berlaku di sesuatu tempat kadang-kadang tidak sama dengan tempat Negeri yang lain. Kalau diubah Kanun Tanah Negara pada seluruhnya akan menimbulkan lagi beberapa tidak persesuaian pula dalam masalah itu.

Adapun masalah kesulitan yang dihadapi oleh pemaju-pemaju perumahan akibat daripada soal syarat khas ini, perkara ini ialah satu perkara yang amat mudah, soal syarikat yang memajukan perumahan adalah satu bab dan tuan-tuan tanah adalah ada satu bab yang lain. Perkara ini dapat dirundingkan melalui jurusan dan cara-cara yang tersendiri.

Ada juga Ahli Yang Berhormat yang mengemukakan soal T.O.L. kalau diberi milik dahulu lagi tentu cukainya murah, tetapi kalau diberi milik sekarang ini tentulah cukainya mahal. Perkara ini apa boleh buat kerana telah berlaku begitu, kalau diberi milik dahulu tentulah begitu jadinya. Adapun soal hendak meminda cukai tanah atau hendak dikaji semula, saya rasa ini satu kesulitan juga. Soal menentukan cukai tanah ini adalah soal Kerajaan Negeri sendiri. Ada syarat-syarat yang dibenarkan dalam Kanun Tanah Negara mengenai pemindaan atau perubahan cukai itu boleh dibuat dalam tempoh yang tertentu. Katalah umpamanya 10 ataupun 15 tahun sekali. Dalam tahun 1970 Kerajaan-kerajaan Negeri telah mengambil tindakan mengubahsuaikan hasil ataupun cukai-cukai tanah yang dikenakan kepada rakyat. Perkara ini adalah perkara

kuasa Kerajaan Negeri seratus peratus dan ada pun dari segi Kanun Tanah Negara hanya menentukan peraturan dan tempoh yang membolehkan Kerajaan Negeri itu mengubahsuaikan cukai tanah sahaja. Soal menentukan berapa, itu adalah hak Kerajaan Negeri itu sendiri.

Demikian juga soal syarat khas yang ditulis di atas geran atau sebagainya dengan menyatakan tidak boleh dijual, digadai atau sebagainya melainkan dengan kebenaran Exco. Ini sebenarnya, lazimnya adalah di bawah kuasa Kerajaan-kerajaan Negeri juga. Mereka memandang jenis tanah dan jenis cara-cara memberi milikan ini pun, ada setengah-setengah Kerajaan Negeri memandang bahawa kalau tidak dibuat syarat demikian hari ini diberi milik, tahun hadapan insya Allah jikalau tanah itu naik harga, mereka jual terus tanah itu. Akhirnya mereka sentiasa menjadi orang yang tidak bertanah. Dengan sebab itu, maka Kerajaan Negeri mengenakan syarat supaya jangan boleh dijual, digadai melainkan dengan kebenaran Exco. Biasanya ada juga dikenakan selama tempoh 10 tahun. Ada juga tidak ditentukan selama tempohnya. Apabila berbangkit soal kematian tuntutan pesaka, ini satu perkara yang tidak juga menyulitkan, sebab tanah itu tetap tanah milik simati, maka tentu dia dapat selesai mengambil pesaka. Satu cara yang lebih mudah untuk menuntut pesaka ialah melalui Public Trustee dengan tidak payah kita mengeluarkan perbelanjaan yang banyak. Public Trustee dapat menjalan kerjanya. Soal berapa nilai yang sebenarnya itu bergantunglah kepada harga pasaran. Kalau tanah itu mengikut pasaran harga \$10,000 tidaklah dapat orang yang menilai meletakkan harga \$2,000 sebab itu berlawanan dengan hakikat yang sebenarnya.

Ramai Ahli-ahli Yang Berhormat menyebut tentang soal pencerobohan haram terhadap tanah-tanah Kerajaan. Yang Berhormat Senator Datuk Nik Hassan telah dengan panjang lebar menyebutkan tentang soal pencerobohan mencuri kayu-kayu balak Kerajaan. Ya, perkara ini memang ada juga pernah berlaku, tetapi saya suka menyatakan bahawa pindaan yang terkandung dalam Kanun Tanah Negara dalam Fasal 12 dan 14 ini ialah khusus bagi pencerobohan terhadap tanah itu sendiri, tanah ataupun bahan-bahan batu yang ada di atas tanah itu sendiri tidak termasuk soal menceroboh

dengan mencuri kayu-kayu balak. Sungguhpun begitu perkara ini hampir bersamaan dalam bentuk dan sifatnya. Ertinya sama-sama pencerobohan haram. Tetapi dalam pindaan 12 dan 14 ini ialah ditujukan kepada sindiket-sindiket reket yang menjalankan usaha membuka tanah Kerajaan secara haram, menanam ubi kayu dan sebagainya di tengah-tengah hutan rimba dengan menggunakan trektor dan sebagainya dalam kawasan kadang-kadang sampai 2-4 ribu ekar yang tidak diketahui oleh Kerajaan sama sekali. Hasil daripada penyiasatan dari udaralah, kedapatan tanah-tanah Kerajaan seperti itu maka dapatlah Kerajaan bertindak, sudah pun bertindak. Tetapi soal yang timbul ialah soal trektor-trektor dan sebagainya digunakan oleh pasukan yang mencero boh tadi tidak dapat dirampas oleh Kerajaan kerana tidak ada peruntukan di dalam Kanun Tanah Negara, maka dibuatlah peruntukan khas di dalam Kanun Tanah Negara supaya alat-alat jentera samada besar atau kecil boleh dirampas. Malah kalau dia buat kongsi di situ, kalau ada cangkul sebilah sekali pun dalam kongsi itu, boleh dirampas, asalkan alat itu digunakan untuk pertanian, boleh dirampas.

Demikian pula mengambil bahan-bahan batu. Bahan-bahan batu kadang-kadang dipecahkan. Maka kalau sekiranya dihukum denda, selain daripada denda harga batu yang diambil pun dia kena ganti, dan kalau batu itu dipindah kena kepada pokok kayu, maka tumbang pokok kayu itu, harga pokok kayu itu pun dia kena ganti. Ini bagi mengelakkan berlakunya pencerobohan secara mudah. Walau bagaimanapun orang yang biasa membuat kerja secara ceroboh seperti itu sulit, walau bagaimana pun dia akan cuba buat. Dan inilah menjadi tugas Kerajaan bagi menghadapinya. Soal yang kita kehendaki supaya menyulitkan sedikit supaya liurnya hendak buat kerja kotor itu, kurang sedikit.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan orang-orang kampung yang hendak tanah untuk bercucuk tanam itu susah sedangkan taukeh-taukeh besar mudah dapat. Kemudian ada pula jualan tanah, pemberian milik tanah kepada orang-orang asing. Seperti saya telah terangkan di dalam Dewan Rakyat, sebenarnya usaha Kerajaan untuk memberi tanah kepada rakyat yang tidak bertanah itu dijalankan secara meluas sekali. Ada dijalankan secara melalui agensi-agensi Kerajaan

seperti FELDA, FELCRA, RISDA dan sebagainya dan ada juga dilakukan oleh Kerajaan-kerajaan Negeri dengan cara memberikan tanah-tanah pinggir seluas tiga ataupun lima enam ekar seorang. Walau bagaimanapun tentulah tidak akan dapat diselesaikan keseluruhan orang yang berkehendakkan tanah. Kerajaan terpaksa berhati-hati dalam usaha memberikan tanah seperti ini. Kadang-kadang orang-orang yang berkehendakkan tanah itu ada juga ia memang tidak berupaya hendak mengerjakan tanah. Tetapi apabila dibuka peluang, dia hendak tanah juga. Kerajaan kena berhati-hati benar. Soal memberi milik tanah kepada taukeh-taukeh besar ini pun sebenarnya sudah dinyatakan bahawa taukeh-taukeh besar atau syarikat-syarikat besar yang mendapat tanah untuk menjalankan perusahaan di negeri ini tidaklah semudah seperti yang difikirkan oleh kita. Dia terpaksa ditapis terlebih dahulu oleh pihak Kerajaan Pusat dan oleh Kerajaan Negeri dan apabila di yakini bahawa projek itu dapat menguntungkan negara dan rakyat dan dapat sesuai dengan Dasar Ekonomi Baru Negara, maka bolehlah tanah itu diberikan kepada dia untuk membuat perusahaan dan sebagainya. Dalam cara kita membuka tanah sekarang ini ada dilakukan dengan berbagai-bagai cara. Cara yang lebih besar ialah cara membuka tanah melalui agensi-agensi Kerajaan. Dan ada juga cara Public Estate atau Ladang Awam yang dibuka oleh Kerajaan Negeri sendiri. Selain daripada itu ada juga tanah-tanah ladang diberikan kepada syarikat-syarikat orang ramai atau swasta supaya dengan cara demikian peluang rakyat mendapat kerja pun ada. Soalnya kalau sekiranya Kerajaan merancang dalam satu-satu kawasan itu untuk membuka ladang kelapa sawit misalnya sedangkan tanah itu sesuai untuk kelapa sawit, kalau juga ditanam tanaman lain, maka kita akan rugi sebab jarang tanah itu dapat disesuaikan dengan kelapa sawit. Bagaimana kita hendak memberi milik orang perseorangan seperti cara memberi tanah pinggir, sebab kelapa sawit terpaksa diproses melalui kilang-kilang yang tertentu. Dengan sebab itu memberi milik tanah seperti itu terpaksa melalui agensi-agensi ataupun ladang awam ataupun syarikat-syarikat swasta.

Walaupun bagaimanapun pihak Kementerian sekarang ini telahpun menubuhkan jawatankuasa yang sedang mengkaji tentang soal

memberi milik tanah kepada orang asing, mengkaji bagaimana caranya hendak menyekat atau sekurang-kurangnya mengurangkan, mengkaji dari segi implikasinya supaya sebarang tindakan yang akan diambil oleh Kerajaan pada masa akan datang, tidak akan memberi kesan buruk kepada negara kita dalam segenap aspek.

Saya memanglah sependapat dengan Yang Berhormat Senator Kamarul Ariffin tentang soal yang besar yang dihadapi oleh negara kita sekarang ini ialah soal kekurangan tenaga. Dan itu telah saya nyatakan tadi bahawa tenaga-tenaga sedang disusun pada masa sekarang ini supaya dapat kita jalankan langkah-langkah dan tindakan-tindakan yang sewajarnya terutama sekali di bawah Fasal 12 dan 14, mungkin pemerintahan tanah secara haram oleh orang-orang yang tidak bertanggungjawab.

Ada juga Ahli Yang Berhormat yang membangkitkan perkara berkenaan dengan mengkaji semula Kanun Tanah Negara. Sebenarnya Majlis Tanah Negara bersidang sekurang-kurangnya sekali dalam masa setahun dan setiap kali persidangan itu memanglah satu daripada kerjanya ialah mengkaji Kanun Tanah Negara itu di tempat-tempat mana yang boleh dibetulkan atau dipindahkan berdasarkan kepada pengalaman yang berjalan dari satu masa ke satu masa dan insya Allah pada sidang-sidang yang akan datang akan dikemukakan lagi beberapa pindaan kepada Kanun Tanah Negara di mana yang perlu bagi disesuaikan dengan perjalanan pentadbiran tanah mengikut pengalaman yang kita telah tempoh.

Tuan yang di-Pertua, saya rasa tidak payahlah saya menjawab semua sekali, mana pandangan yang baik yang dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat itu, pihak Kementerian mengambil ingatan dan seberapa boleh akan cuba mengatasi sebarang kerumitan-kerumitan yang dihadapi.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

RANG UNDANG-UNDANG DITIMBANGKAN DALAM JAWATANKUASA

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 15 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Jadual diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Pendahuluan diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilapurkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Majlis ini ditempoikkan sekarang selama 15 minit.

Persidangan ditempoikkan pada pukul 5.03 petang.

Persidangan disambung semula pada pukul 5.25 petang.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

RANG UNDANG-UNDANG PELAJARAN (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Menteri Pelajaran (Tuan Haji Mohamed bin Yaacob): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang Akta Pelajaran (Pindaan) 1974 dibaca bagi kali yang kedua.

Pada masa ini pentadbiran pelajaran agama Islam di sekolah-sekolah rendah bantuan Kerajaan di Semenanjung Malaysia adalah tanggungjawab Kerajaan Negeri masing-masing. Perbelanjaan bagi mengadakan pelajaran agama Islam di sekolah-sekolah rendah bantuan Kerajaan ditanggung bersama di antara Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri berkenaan. Peraturan ini adalah mengikut Seksyen-seksyen 36 dan 37 Akta Pelajaran 1961.

Dalam peraturan sekarang ini terdapat beberapa kelemahan; di antara lain ialah seperti berikut:

- (i) Oleh kerana semua hal berkaitan dengan perlantikan dan perkhidmatan guru-guru agama Islam di sekolah-sekolah rendah bantuan Kerajaan adalah di bawah kuasa negeri masing-masing, masalah-masalah perjawatan, perkhidmatan, dan pengawasan guru-guru agama ini sering kali timbul. Kadang-kadang terdapat peruntukan perjawatan guru-guru agama Islam di

sekolah-sekolah rendah bantuan Kerajaan melebihi atau kurang daripada yang dikehendaki.

- (ii) Kelayakan dan latihan guru-guru agama di sekolah-sekolah rendah bantuan Kerajaan sukar diselaraskan di seluruh negara kerana mereka ini dilantik oleh negeri masing-masing.

Setelah menimbang keadaan yang semacam ini dan memandangkan kepentingan pelajaran agama Islam di sekolah-sekolah rendah dalam konteks pelajaran kebangsaan seluruhnya, maka adalah sangat wajar bagi Kerajaan Persekutuan mengambil-alih pentadbiran pelajaran agama Islam di sekolah-sekolah rendah daripada mana-mana Kerajaan negeri di Semenanjung Malaysia yang bersetuju menyerahkannya.

Mengikut Seksyen-seksyen 36 dan 37 Akta Pelajaran 1961, Kerajaan Persekutuan hanya boleh memberikan bantuan sebanyak 50% daripada perbelanjaan yang diperlukan untuk pengajaran Agama Islam di sekolah-sekolah rendah bantuan Kerajaan. Oleh yang demikian, supaya membolehkan Kerajaan Persekutuan bertanggungjawab penuh di dalam segala pentadbiran di sekolah-sekolah rendah dan menanggung sepenuhnya perbelanjaan yang diperlukan bagi mengadakan pelajaran tersebut di sekolah-sekolah rendah bantuan Kerajaan di Semenanjung Malaysia adalah perlu bagi seksyen-seksyen yang saya sebutkan tadi dipinda.

Sebagai makluman, Akta Pelajaran tidak meliputi Sabah dan Sarawak dan dengan itu pindaan-pindaan yang dicadangkan ini tidaklah melibatkan negeri-negeri tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

5.28 ptg.

Tuan Haji Othman bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun memberikan tahniah kepada Menteri ini khususnya dan Kerajaan pada umumnya atas cadangan yang sepatutnya telahpun dikemukakan lima tahun atau 10 tahun dahulu di waktu kita mengisytiharkan kemerdekaan kita ataupun sewaktu dasar pelajaran kita dilagang. Sebab dengan kita terlambat sedikit daripada waktu yang sepatutnya telah dikuatkuasakan

sekolah-sekolah agama itu telah ketinggalan sekian lama, jikalau dikira sejak daripada hari kemerdekaan sudah 17 tahun sekolah agama itu ketinggalan di belakang daripada pengawasan yang sepatutnya diambil oleh Kementerian Pelajaran dan inilah juga rayuan-rayuan yang dikemukakan oleh para guru agama dahulunya dan oleh pejuang-pejuang agama, terutama sekali dalam bidang pelajaran supaya Kerajaan mengambil-alih kepada pentadbiran sekolah-sekolah rendah yang kebanyakannya dibiayai oleh rakyat dan juga oleh Kerajaan Negeri. Kalau kita melihat kepada nasib sekolah-sekolah rakyat yang belum diambil-alih oleh Kerajaan Negeri waktu itu dan tidak dapat bantuan secara langsung, maka bolehlah kita katakan nasib guru-guru di sekolah agama ini sangat jauh bezanya daripada nasib guru-guru yang lain. Kalau guru-guru yang lain mendapat tempat yang baik, kehidupan yang agak lumayan, tetapi guru-guru agama, hidupnya "kais pagi makan pagi, kais petang makan petang", sedangkan mereka adalah satu daripada tenaga yang sangat besar di dalam masyarakat kita.

Walau bagaimanapun dengan adanya Rang Undang-undang ini, cadangan hendak mengambil-alih semua pentadbiran sekolah-sekolah agama di negeri-negeri di mana dahulunya di bawah pentadbiran Kerajaan Negeri ataupun di bawah bantuan Kerajaan Negeri iaitu setengahnya di bawah bantuan Kerajaan Pusat serta guru-guru mereka itu dengan niat yang baik seperti ini, maka agak bernafaslah kiranya guru-guru agama pada masa yang akan datang dan bukan sahaja guru-guru tetapi sekolah itu sendiri.

Kita telah bercadang di dalam beberapa Muktamar-muktamar Islam di dalam negeri kita dan ulama-ulama kita telah bercadang hendak menubuhkan ataupun mendirikan yaysan-yaysan Pengajian Tinggi Islam atau apa yang disebutkan Universiti Islam. Tetapi kalau kita tengok kepada peringkat awalnya, kita tidak nampak ada saluran yang begitu sihat yang boleh melahirkan pelajar-pelajar Islam itu dari bawah sampai kepada peringkat Universiti, bukan sebab oleh kerana susunan dan pentadbiran sekolah itu berlainan di antara satu negeri dengan negeri yang lain, tetapi juga tentang kehidupan sekolah itu tidak sama di antara satu negeri dengan negeri yang lain dan dengan demikian masa depan kepada murid-murid di sekolah-sekolah agama itu adalah

gelap. Kalau seorang itu pergi ke sekolah agama dengan ikhtiar dan usaha Kerajaan Negeri dan swasta dan sekolah-sekolah rakyat, maka murid-murid yang pergi ke situ itu bolehlah dikatakan orang yang telah putus harapannya, orang yang tidak ada lagi harapannya di dalam dunia perlumbaan ini. Kalau dia pergi ke sekolah pondok dia tukar semua sekali cara hidupnya daripada pakai rambut panjang dia potong rambutnya, letak kopiah putih; daripada bajunya yang berwarna-warni, dia tukar bajunya jadi baju putih, kain pun kain putih dan pegang tasbih. Dengan kehidupan orang itu membayangkan bahawa mereka tidak mempunyai harapan di atas dunia ini di dalam perlumbaan dan di dalam hatinya hanya menyatakan, kalau aku tidak dapat sesuatu di dunia ini, aku harap di akhirat aku mendapat sesuatu. Ini membayangkan "frustration" daripada golongan yang tidak kecil jumlahnya di negara kita ini.

Maka manakala kita melihat kepada perkembangan sekarang ini, datanglah pandangan orang kepada Islam yang mengatakan Islam ini hanya mengajar orang untuk mati, mengajar orang bertasbih, mengajar orang duduk di mesjid, di surau, campakkan segala kemewahan dunia dan duduk di dalam surau-surau dan pondok-pondok untuk menunggu mati, dan orang mengatakan bahawa Islam tidak lagi tempat untuk kita mencari hidup tetapi mencari mati. Tuan Yang di-Pertua, dengan fahaman yang seperti ini, yang mengelirukan tentang ujudnya dan fungsi Islam di dalam masyarakat umat manusia maka lama kelamaan kepercayaan orang kepada agama ini akan luput tetapi dengan adanya pengambilan sekarang ertinya bahawa Kementerian Pelajaran dan Kerajaan Pusat akan bertanggungjawab secara langsung dengan pentadbiran dan pembiayaan sekolah-sekolah di seluruh negara ini di sekolah rendah, maka harapan itu terbuka balik. Perlumbaan dari golongan agama mencari hidup di dunia ini akan terbuka dengan luasnya bahawa mereka bukan sahaja golongan yang bersedia untuk mati, tetapi mereka satu golongan yang bersedia untuk hidup dan mencari kekayaan seperti yang disebutkan oleh Tuhan yang diajarkan oleh Nabi serta yang disebutkan dalam Al-Quran. Maka kata saya sudah selayaknya Menteri Pelajaran mengemukakan Rang Undang-undang ini dan sebagaimana saya telah menyebutkan di dalam

Rang Undang-undang Minyak Petrolium baru-baru ini menyatakan bahawa itu sesuai dengan ajaran Islam, maka begitulah juga tentang ini, tentang Rang Undang-undang ini adalah sesuai dengan ajaran Islam dan inilah yang dikehendaki oleh Islam supaya umat Islam dan orang yang bukan Islam dapat memahami bahawa ajaran Islam itu adalah satu ajaran yang sesuai bagi seluruh umat manusia hanya peluangnya tidak diberi, peluang untuk hidup itu tidak diberi, dan sekarang ini peluang itu ada, Kerajaan akan memberikan bantuan yang secukupnya kepada sekolah rendah atau sekolah permulaan bagi sekolah-sekolah agama yang pada masa yang akan datang. Kita tidak akan menganggap itu sebagai satu sekolah agama tetapi sebagai satu sekolah di mana pengetahuan agama dan ajaran agama dunia dan akhirat diajarkan daripada peringkat rendah sampai menengah dan sampai kepada peringkat Universiti.

Dengan demikian, saya berdoa kepada Tuhan mudah-mudahan rancangan ini akan berjaya dan akan dapat juga difahamkan bahawa masa hadapan agama di negara kita ini yang menjadi agama resmi negara kita, akan lebih cerah lagi dan kepada guru-guru agama kita memberikan seruan kepada mereka bahawa hidup dan kedudukan mereka tidaklah dipandang sepi oleh Kerajaan, tetapi dipandang amat berat oleh Kerajaan dan bagi mereka adalah mempunyai tanggungjawab yang besar bagi memajukan pengajian dan ajaran agama pada masa yang akan datang.

Dengan demikian, saya memberikan sokongan kepada Rang Undang-undang ini.

5.36 ptg.

Tuan Shaari bin Jusoh: Tuan Yang di-Pertua, saya juga menyokong dengan sepenuh-penuhnya Rang Undang-undang yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri Pelajaran sebagaimana yang diterangkan oleh Senator Haji Othman Abdullah, saya juga bersetuju dengan pendapat beliau bahawa sepatutnya Rang Undang-undang ini ataupun rancangan ini dijalankan masa dahulu lagi.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyatakan demikian kerana beberapa sebab. Amatlah anih pada pendapat saya kalau dalam satu rumah ataupun dalam satu bangunan yang ke semua bilik-bilik dikuasai oleh satu orang

tetapi malangnya satu bilik dikuasai oleh orang lain. Begitulah apa yang terjadi di dalam kedudukan sekolah ini dengan guru-guru sekolah agama ataupun guru agama dalam sekolah. Tetapi dengan adanya rancangan ini, perkara ini akan terhapus, menjadilah satu bangunan, satu ketua sekali walaupun ada beberapa bilik.

Bertambah pula negeri yang saya datang (Perlis), walaupun saya terasa malu hendak menyatakan, tetapi apa yang sebenar terpaksa saya nyatakan. Perlis boleh dikatakan sebuah negeri yang pendapatannya kecil, sudah negerinya kecil, pendapatannya pula kecil. Maka dengan pendapatannya yang kecil kadang-kadang gaji yang dibayar kepada kakitangan selalu kelam-kabut. Teruk Menteri Besarnya. Jadi dalam soal sekolah agama ini juga, saya dapat tahu baru-baru ini gaji-gajinya telah dinaikkan, tetapi bila akan dibayar gaji kebelakangan terpaksa berulang-alik bagi yang saya dapat tahu ini berita angin, tetapi saya yakin berita ini adalah benar. Ketua Kerajaan Negeri Perlis untuk mencari wang supaya membayar gaji kebelakangan ini. Bila Rang Undang-undang ini lulus, saya yakin krisis sekolah agama ini tidak akan timbul lagi di Perlis.

Di samping itu juga, saya mengesyorkan kepada Menteri yang berkenaan, sebagaimana yang dikatakan oleh Senator Tuan Haji Othman Abdullah tadi yang mana pelajar sekolah-sekolah agama hari ini masih dipandang rendah kerana manusia kita ini walaupun kita akui agama Islam adalah agama rasmi dan agama Islam agama membawa kebahagiaan hidup dan mati kepada manusia, tetapi manusia juga kita tidak boleh nafikan mana gaji yang banyak di situ yang dituju; soal hendak mati dia fikir dekat-dekat hendak mati, baru hendak buat ibadat walaupun ada yang muda buat, ini jarang sangat, kalau dikira peratus amatlah kurang. Jadi oleh kerana Kerajaan mengambil berat dalam hal agama, terutamanya Kementerian Pelajaran menggalakkan rakyat cenderung dalam lapangan guru-guru agama, maka saya mengesyorkan di sini selain daripada Kerajaan mengambil alih pengajaran agama Islam di sekolah-sekolah rendah, maka sekolah-sekolah juga yang dapat bantuan setengah daripada Kerajaan diberi perhatian. Saya misalkan, di Arau salah satu sekolah bantuan Kerajaan ialah sekolah agama rakyat Alauwiyah Arau, daripada dahulu

lagi Kementerian telah berjanji hendak ambil alih dijadikan sekolah Kerajaan. Itulah salah satu sekolah yang tunggal di Perlis boleh dikatakan penuntutnya sangat banyak, tetapi hari ini saya dapati kurang mendapat sambutan yang baik, disebabkan kalau lulus di situ pun gajinya tidak berpatutan. Berkenaan bangunan sekolahnya pula saya berpendapat kalau Kerajaan mengambil berat tentang hal ini, maka hendaklah diambil berat tentang bangunan dan guru-guru. Saya mengesyorkan andainya pihak yang berkenaan mengambil alih sekolah-sekolah ini biarlah guru-gurunya itu mendapat layanan yang sama. Sungguhpun pada tingkatan pertamanya syarat yang dikehendaki itu tidak mencukupi, tetapi beri kelonggaran selama setahun ataupun tiga tahun untuk mereka mendapat kelulusan yang dikehendaki.

Tuan Yang di-Pertua, disamping itu juga izinkan saya mengesyorkan sedikit-sebanyak berkenaan dengan Kementerian Pelajaran. Sungguhpun saya agak perkara ini tidak begitu tepat dalam Rang Undang-undang ini, tetapi bersabit dengan Kementerian Pelajaran. Saya mengucapkan tahniah kepada Menteri berkenaan, kerana sebagaimana kita dengar dalam soal-jawab kemarin tentang soal buku-buku teks. Disamping soal lain kita hendak baiki, soal buku teks ini, juga diambil berat. Saya mengucapkan tahniah yang amat sangat kerana Kementerian Pelajaran akan beri buku teks percuma pada tahun 1975. Yang membimbangkan saya, Tuan Yang di-Pertua, kita beli pada tahun 1974 dan kadang-kadang sampai bulan Julai buku itu tidak sampai lagi ke sekolah dan ke tangan murid. Jadi, saya takut walaupun buku itu percuma, buku itu tidak sampai sehingga tahun 1974 berakhir. Jadi saya berharap kepada Kementerian berkenaan, terutama kepada Menteri yang bekerja bertungkus-lumus supaya perkara ini tidak akan berlaku. Apa yang kita harap buku-buku teks itu diberi awal-awal lagi.

Tuan Yang di-Pertua, pada hari ini saya dapat rungutan yang sangat banyak di kalangan guru-guru tentang kedudukan kategori guru-guru sekolah kebangsaan, ada kategori C, B dan sebagainya. Mereka yang di luar bandar selalu diberi C disebabkan tidak cukup syarat. Kita tahu satu-satu perkara itu ada perbezaannya. Jadi, kalau boleh saya berharap kepada Kementerian

berkenaan hapuskan perkara-perkara tersebut, kalau tidak hapuskan pun naiklah Kategori B, walaupun syarat tak mencukupi tetapi kita bertimbang rasa kepada mereka yang luarbandar, yang mana kita tahu kebanyakan daripada kaum bumiputra lemah pada hari ini.

Akhirnya, saya ada mendapat rungutan dan saya berpendapat harus betul tentang gaji Kerani-kerani Sementara di sekolah-sekolah yang ada di luarbandar itu tak begitu memuaskan. Saya berharap supaya pihak Kementerian berkenaan menetapkan gaji mereka dan menetapkan kedudukan mereka.

5.45 ptg.

Puan Dasimah Dasir: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan tahniah kepada Menteri Pelajaran, saya tidak hendak bercakap panjang sebab hal ini di dalam segi agama sahaja. Saya hendak minta penjelasan daripada Menteri berkenaan iaitu dalam ucapannya menyatakan Rang Undang-undang ini akan berkuatkuasa, jika Pihak-berkuasa Negeri bersetuju. Negeri saya tidak beraja, maka bagaimanakah pula akan diambil tindakan oleh Menteri Pelajaran. Saya berharap jika sekiranya Menteri Pelajaran hendak mengambil alih, ambil kesemuanya supaya dapat menjalankan dengan serentak atau sama di seluruh Malaysia ini.

Saya tahu gaji guru-guru di dalam sekolah rendah di Pulau Pinang sangat-sangat rendah. Saya minta Kementerian menambah pelajaran agama, kerana pemuda-pemudi kita hari ini kurang pelajaran agama, maka moral mereka tidak begitu baik. Saya menyokong pandangan Yang Berhormat Tuan Haji Othman bin Abdullah iaitu sepatutnya kita telah mengambil alih sejak 16 tahun dahulu. Saya memberi tahniah kepada Menteri Pelajaran, kerana beliau yang paling baik sekali yang dapat mengemukakan Rang Undang-undang ini. Saya minta jangan lupa ambil alih semua pengajaran agama Islam di negeri Pulau Pinang.

5.46 ptg.

Datuk Haji Abdul Razak bin Haji Hussin: Tuan Yang di-Pertua, saya bercakap petang ini dalam membahaskan Rang Undang-undang Pelajaran. Saya suka hendak memberi pandangan saya berhubung dengan Rang

Undang-undang ini. Sebagaimana kita tahu dan maklum bahawasanya adalah asalnya kebanyakan sekolah agama di negeri-negeri adalah ditadbirkan oleh Majlis Ugama di dalam sesebuah negeri. Apabila datang perubahan guru-guru agama di sekolah kebangsaan, sebagaimana yang diterangkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi telah diper-setujukan perbelanjaannya daripada Kerajaan Pusat setengah dan pentadbiran masih di bawah Kerajaan Negeri.

Kita hendak meluluskannya Bil ini tidaklah payah, sebab saya percaya semua Ahli Dewan ini akan sedia meluluskannya. Akan tetapi, kesan daripada Bil ini akan menyentuh perasaan pihak tertentu di dalam negara kita, sebab mengikut peruntukan Perlembagaan kita kuasa adat dan ugama adalah hak Duli Yang Maha Mulia Sultan sesebuah negeri. Saya sukacita mengingatkan balik semula kepada usaha-usaha yang kita buat dalam masa menubuhkan Majlis Hal Ehwal Kebangsaan Ugama Islam, maka ada sebahagian daripada negeri-negeri dalam Malaysia ini tidak masuk di dalam Majlis yang dicadangkan itu walaupun Bil itu dibawa ke Dewan Negara dan juga ke Dewan Rakyat.

Mengikut di dalam Fasal Akta ini akan dapat dijalankan untuk memberi kuasa kepada Kerajaan Persekutuan mengambil alih pengajaran agama Islam di sekolah-sekolah rendah jika pihak berkuasa Negeri bersetuju. Daripada Huraian Jadual ini sendiri pun kita boleh mengambil fahaman bahawa persetujuan mestilah didapati daripada tiap-tiap Kerajaan Negeri terutama negeri yang mempunyai Raja, maka Negeri-negeri boleh menjalankan pelajaran agama adalah mengikut undang-undang yang disahkan dalam negeri itu.

Mengikut undang-undang Majlis Ugama Islam umpamanya di dalam sesebuah negeri ada melibatkan kehendak-kehendak di dalam undang-undang itu kuasa yang tertinggi bagi menjalankan, usaha dan perkara yang bersangkutan dengan agama ialah Raja Pemerintah. Saya sukacita untuk mendapat makluman daripada Yang Berhormat Menteri, adakah satu usaha telah dibuat dengan Duli-duli Yang Maha Mulia Rajaraja Melayu sebelum Bil ini dibentangkan atau ada jaminan bahawa persetujuan ini tidak dikehendaki. Apabila kita memukul ular, ular tidak mati, kayu tidak patah tetapi kita tidak jatuh. Apa yang kita mahu

sekarang ialah menarik rambut di dalam tepung, rambut tidak putus dan tepung tidak berselerak.

Bil ini pada hakikatnya sangat sensitif terutama orang yang terlibat, mereka yang mempunyai kuasa yang tertentu. Jikalau usaha-usaha tidak dibuat untuk mencari jalan terlebih dahulu ada baiknya pada hemat saya yang dhaif bahawa Bil ini kena ditempokkan pada suatu ketika yang lain. Walaupun dengan keadaan mendesak, walaupun hujjah-hujjah yang kuat dari segi material, dalam segi kebendaan, dalam segi penyelarasan, pentadbiran dan lain-lainnya, kita takut kalau-kalau ada Negeri yang tidak bersetuju maka jadilah kuatkuasa kita sebagai panas di dalam belukar. Ada negeri yang kena dan ada negeri yang tidak mahu menerima walaupun sebagaimana saya katakan tadi, meluluskan Bil ini sangat mudah dan saya sendiri pun sebagai Ahli Dewan ini akan sedia menyokong akan tetap kesan daripada kelulusan ini, ialah perkara yang patut kita pertimbangkan.

Saya fikir Yang Berhormat Menteri dan juga Yang Berhormat Peguam Negara telah melalui banyak pengalaman di dalam masa yang lalu. Pengalaman yang kita gunakan, yang telah kita rasai, yang telah kita hadapi akan menjadi satu panduan kepada sebarang langkah yang kita hadapi pada masa yang akan datang. Kerana banyak perkara-perkara Bil yang boleh kita sokong dan saya sedia menyokong, tetapi Bil ini pada saya adalah satu Bil yang sangat sensitif. Jika sekiranya jaminan tidak didapati dari pihak yang tertentu, pihak yang berkuasa agama dalam sesebuah negeri, agak saya, akan kita dapat kebaikan dan keselamatan.

Saya tidak menentang Bil ini diluluskan, tetapi perkara yang saya kesal kalau-kalau ada Negeri-negeri yang tidak bersetuju dengan Bil ini kerana daripada Bil ini sendiri telah menunjukkan kelemahan iaitu Huraian di dalam Jadual inipun sudah menunjukkan kelemahan, jika pihak yang berkuasa Negeri bersetuju. Kalau sekiranya pihak berkuasa Negeri tidak bersetuju, erinya kuatkuasa undang-undang atau Bil ini tidak boleh kita lakukan pada Negeri itu. Sedangkan Negeri itu dengan terhenti kepada kuatkuasa Undang-undang Majlis Ugama dalam Negeri tersebut maka banyaklah proses-proses yang mesti kita lalui di dalam Negeri itu sendiri.

Saya sangat bersimpati dengan Kerajaan Negeri walaupun hasrat dan cita-citanya tidak kurang dari apa yang dicakapkan oleh Yang Berhormat Senator Haji Othman Abdullah tadi bahawa melalui proses-proses inilah Kerajaan Negeri akan menghadapi suatu kesulitan yang sangat besar apabila mereka menghadapi satu raksaksa naga yang ada di hadapannya. Andainya Bil ini sudahpun dirisikan sebelum dipinang, sudah ada gejala-gejala pihak pengantin sedia menerima, saya fikir ianya tidak menjadi satu kesulitan. Ini saya membentangkan sebagai pandangan saya dan saya amat sukacita kalau sekiranya Peguam Negara akan dapat menerangkan sedikit sebanyak dari apa yang saya katakan tadi.

555 ptg.

Tuan Haji Zulkifli bin Datuk Abdul Hamid: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun turut menyokong Rang Undang-undang Akta Pelajaran (Pindaan) 1974 ini. Sesuai dengan kedudukan agama Islam sebagai agama rasmi di negara Malaysia ini Pindaan ini sebenarnya sudah begitu terlewat dan sepatutnya telah dikemukakan sudah sekian lama dahulu lagi.

Pengambilan alih Kerajaan Pusat bagi pengajaran agama Islam di sekolah-sekolah rendah dengan bergantung kepada persetujuan Kerajaan Negeri adalah satu langkah yang wajar dan sudah kena pada tempatnya. Bagaimanapun saya berharap pengajaran agama Islam di sekolah-sekolah rendah dan seterusnya sehingga ke peringkat atasan hendaklah merupakan pelajaran compulsory subject, yang serious, melibatkan setiap penuntut. Jika dalam masa penjajah kanakkanak sekolah dari peringkat rendah lagi telah menghadapi pelajaran agama iaitu bukan Islam sebagaimana yang telah dialami oleh saya sendiri dalam masa bersekolah beberapa tahun yang sudah lama, sebagai salah satu mata pelajaran utama maka tidak ada sebabnya negara kita tidak dapat menjalankan pengajaran agama kepada setiap murid dan penuntut sebagai salah satu mata pelajaran utama.

Pelajaran agama Islam bukan sahaja boleh menambahkan pengetahuan penuntut-penuntut dalam scope yang lebih luas meliputi sejarah, bahasa Arab dan sebagainya, tetapi juga memberi didikan rohani dan tata-susila hidup yang bersih bagi semua kaum

yang dapat terus berpegang kepadanya seperti juga agama-ugama lain. Tidak dapat dinafikan bahawa didikan-didikan kebudayaan serta jasmani di sekolah-sekolah memang dapat mamandu penuntut-penuntut ke arah hidup yang sihat tetapi menerusi pengajaran agama Islam, saya percaya tata-susila hidup mereka akan lebih kukuh lagi. Dengan itu saya berharap Kerajaan akan menjalankan dasar pengajaran agama Islam ini sama pentingnya dengan mata-mata pelajaran yang lain seperti sains dan teknologi.

Saya ingin mengetahui atas penerangan Yang Berhormat Menteri bahawa negeri-negeri Sabah dan Sarawak tidak terlibat dalam tujuan Rang Undang-undang ini.

Pelajaran pada keseluruhannya adalah tanggungjawab Kerajaan Persekutuan, walaupun Kerajaan Negeri mempunyai hak dan mengambil perhatian berat atas dasar yang dijalankan oleh Kerajaan Persekutuan. Memandangkan kepada kegiatan perjuangan Agama Islam yang begitu pesat di negeri Sabah, saya benar-benar ingin tahu kenapa pengambilan ahli ajaran Ugama Islam di Sekolah-sekolah Rendah di negeri Sabah tidak termasuk dalam tujuan Rang Undang-undang ini.

Berhubung dengan perhatian Rang Undang-undang ini terhadap peruntukan-peruntukan bagi pengajaran Ugama Islam, saya memohon perhatian Kerajaan Persekutuan terhadap masalah pengajaran Ugama Islam di Sabah, sesuai dengan dasar kebangsaannya. Sabah masa ini terlibat dalam tugas yang begitu besar dalam pengajaran Ugama Islam, apatah lagi Ugama Islam yang juga telah menjadi agama rasmi di negeri itu. Sabah sekarang sementara menunggu perhatian berat daripada Kerajaan Persekutuan adalah berdiri di kaki sendiri menerusi majlis Ugama Islamnya mengadakan sekolah-sekolah agama di seluruh negeri dengan sumber kewangannya sendiri.

Tugas pengajaran Ugama Islam di negeri itu bertambah mendesak lagi, akibat daripada bertambah ramainya rakyat memeluk Ugama Islam yang ditaksirkan hampir 100,000 orang sekarang ini. Oleh kerana mereka itu adalah keluarga-keluarga baru, maka perlu diberi didikan seperlunya.

Sekolah-sekolah agama di Sabah menampung ramai guru-guru agama, boleh dikatakan lebih 90% adalah terdiri dari

guru-guru Semenanjung Malaysia, dan ini merupakan pertolongan yang besar menampung guru-guru agama dari Semenanjung Malaysia. Pembayaran gaji dan sebagainya bagi guru-guru ini adalah ditanggung oleh Majlis Ugama Islam Sabah sendiri.

Di sini saya ingin mencadangkan supaya Kerajaan Persekutuan dapat mengadakan pertolongan atau dapat mengadakan bantuan, samada berupa bantuan kewangan secara langsung atau menanggung bayaran gaji guru-guru agama yang didatangkan dari Semenanjung Malaysia. Sabah terlalu besar bebannya, bukan sahaja mengendalikan sekolah-sekolah agama di seluruh negeri itu, malahan dalam kegiatan-kegiatan Dakwah Islam yang memerlukan perhatian berat juga. Adalah penting bagi Sabah menjayakan projek-projek ini demi mencapai cita-cita kebangsaannya bagi menyatu-padukan rakyat Malaysia di Sabah menerusi satu kebudayaan. Adalah menjadi tugas utama setiap orang yang cintakan perpaduan dan keamanan memastikan bahawa Dakwah Islam dan pengajaran Ugama Islam berjaya melahirkan satu rupa masyarakat baru yang hidup bertatasusilakan agama. Dengan itu, saya sangat berharap Kerajaan Persekutuan memandangkan berat terhadap usaha-usaha negeri Sabah ke arah pembentukan masyarakat baru dengan nilai-nilai perpaduan dan kerohanian yang tinggi itu.

6.04 ptg.

Datuk Haji Nik Hassan bin Haji Nik Yahya: Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Rang Undang-undang ini, kerana dengan lulusnya Rang Undang-undang ini akan dapatlah melegakan sedikit tanggungan-tanggungan yang sedia ada pada Kerajaan-kerajaan Negeri bagi membelanjakan pelajaran agama di Sekolah-sekolah Rendah yang ada di seluruh Malaysia ini.

Sebagaimana kita sedia maklum Ugama Islam ini adalah satu Ugama Rasmi dalam negara kita ini, dan telah menjadi dasar kita untuk menggunakan Ugama Islam ini kepada seluruh rakyat negara kita ini supaya menjadi panduan hidup rakyat Malaysia ini. Dengan tujuan dan dasar inilah, maka daripada satu masa ke satu masa Kerajaan telah mengambil beberapa langkah untuk mengembangkan pelajaran-pelajaran agama di seluruh Malaysia ini. Saya rasa sudah

sampailah masanya Kerajaan kita mengambil satu langkah yang lebih progresif, yang lebih tegas iaitu memberi kuasa yang lebih, menyusun balik Majlis Kebangsaan Ugama Islam yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Tun Perdana Menteri sendiri, itu supaya menjadi Badan yang bertanggungjawab bagi perkembangan Ugama Islam di seluruh Malaysia ini, dan menanggung segala perbelanjaan yang diperlukan bagi perkembangan pelajaran Islam dan penyebaran Islam di seluruh Malaysia ini.

Saya cadangkan demikian, kerana mengikut perhatian kita pada hari ini kita menghadapi masalah pelajaran Ugama Islam ini dengan cara peringkat-peringkat, dengan cara sedikit-sedikit. Kita letakkan tanggungjawabnya kepada Kementerian Pelajaran untuk menanggung perbelanjaan pelajaran agama di Sekolah-sekolah Kerajaan, kemudian Kementerian Pelajaran juga menanggung perbelanjaan untuk membantu sekolah-sekolah rakyat yang ada di seluruh Malaysia ini, iaitu sekolah-sekolah agama rakyat.

Saya rasa Kementerian Pelajaran ialah satu Kementerian yang mempunyai tanggungjawab yang besar dalam masalah pelajaran. Pelajaran agama, penyebaran agama, perkara hal-ehwal agama ini adalah satu perkara yang sangat luas yang sangat besar yang perlu kepada satu badan pusat yang dapat mengambil tanggungjawab yang sepenuhnya supaya kerja-kerjanya lebih teratur, lebih kemas dan lebih cepat, tidak sebagaimana perjalanannya pada masa ini. Pada masa ini kita cuma ada satu Jabatan di dalam Jabatan Kementerian yang barangkali kita ada 2-3 orang pegawai yang menjalankan kerja yang mana sudah tentu tidak dapat menyempurnakan kerjanya. Jadi, kenapa kita mesti menghadapi masalah ini dengan cara yang seumpama ini? Kenapa tidak dapat kita menghadapi masalah ini dengan cara yang lebih besar, dengan cara yang lebih teratur dan yang lebih kemas, iaitu kita sudah ada badan agama yang kita tubuhkan iaitu Badan Kebangsaan Ugama Islam yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Tun Abdul Razak sendiri. Kenapa tidak dapat kita perbesar tanggungjawab badan ini, kita peruntukan badan ini dengan wang ringgit yang cukup dan peruntukan badan ini dengan pegawai yang cukup supaya dapat badan ini me-

nolong kerja-kerja dalam penyebaran Ugama Islam dalam kerja-kerja membantu pelajaran Ugama Islam di sekolah-sekolah dan lain-lain kerja.

Kalau kita tidak dapat hendak membentuk satu Kementerian Ugama, kerana pembentukan Kementerian Ugama ini barangkali berlawanan dengan Perlembagaan kita, kenapa kita tidak boleh cari satu jalan atau ikhtikarkan satu cara yang dapat kita perkuatkan Majlis Kebangsaan Ugama Islam yang ada itu dengan segala peruntukan wang ringgit, segala kakitangan dan pegawai yang dapat membantu kerja-kerja penyebaran Ugama Islam dan pelajaran Islam di seluruh Malaysia ini. Saya percaya kalau sekiranya kita buat begini, Raja-raja di tiap-tiap Negeri tidak akan menentang. Kerajaan Negeri sudah tentulah akan menyokong kerana badan yang seumpama ini akan memberi pertolongan, akan memberi sokongan kepada usaha yang mereka buat di tiap-tiap negeri itu. Apatah lagi kalau Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri telah jadi Pengerusi, maka tentulah masalah kebimbangan ataupun lain-lain tidak akan timbul dengan tujuan yang ikhlas, yang baik daripada Kerajaan Pusat mengusahakan bagi Kemajuan pelajaran agama Islam, penyebaran Islam dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, dalam menyokong Bill ini, saya mengesyorkan kepada Kerajaan supaya memperkuatkan Majlis Kebangsaan Ugama Islam itu dengan disusun satu undang-undang yang tertentu yang mempunyai kuasa-kuasa yang lebih luas dan mempunyai tanggungjawab yang tertentu dengan peruntukan-peruntukan yang cukup.

6.11 ptg.

Tuan Ibrahim bin Haji Yaacob: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong Bill ini dan mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Kerajaan yang akan mengambil alih pelajaran Ugama Islam di sekolah-sekolah rendah kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka memberi pandangan saya iaitu pada masa ini bukan tidak ada ajaran-ajaran agama di sekolah-sekolah rendah, ada. Tetapi melepaskan batuk di tangga sahaja, bukan betul-betul belajar. Apa yang kita mahu bukan macam sekarang, kita mahu agama ini diajar dengan sejelas-jelasnya kepada murid-murid kita yang beragama Islam supaya apabila besar

mereka tahu ayahnya, ibunya dan ketuanya dan taat kepada ulil amar Raja-raja yang memerintah negara ini. Kita tengok sekarang murid-murid kita sanggup menderhaka kepada Kerajaan walhal mereka masih dalam bangku sekolah lagi, tetapi kalau orang yang ada ajaran agama Islam di dalam sanubarinya, mereka akan berfikir dahulu dan bertanya kepada dirinya sendiri samada perbuatannya itu diizinkan Tuhan atau tidak. Tengok sekarang mengapa orang-orang kita yang beragama Islam mundur dalam serba-serbinya kerana mereka tidak mengikut ajaran agama Islam dan tidak mahu pula belajar agama dan tidak takut kepada Tuhan, jadi Tuhan murka dan diturunkannya bala kepada kita orang-orang Islam yang lemah dan tercicir dibelakang sekali.

Saya mengesyorkan kepada Kerajaan supaya ajaran agama Islam diajar kepada murid-murid Melayu semua darjah selepas masa bersekolah macam dalam negeri Johor. Murid-murid pergi belajar semata-mata pelajaran sekolah sahaja dan pada petang datang balik belajar agama, dari Mukaddam kepada Quran, rukun bersuci, rukun mandi, mengenal Tuhan, mengenal Nabi Muhammad (s.a.w.) dan lain-lain. Pada masa ini juga saya perhatikan bermacam-macam agama dianuti oleh orang-orang Melayu di kampung-kampung. Ada yang menganut agama Islam betul-betul ahli sunnah wajamaah, ada yang menganut agama Qadiani, ada agama Subud, agama Taslim, tarikat yang betul dan tarikat yang salah yang menyesatkan orang. Ini semua ada di kampung-kampung. Jadi macam manakah orang-orang kita hendak bersatu, ugamanya pun bermacam-macam. Selain dari ahli sunnah wajamaah semuanya sesat, tidak siapa yang berani melarang perbuatan sesat itu oleh sebab agama sesat ini banyak di kampung-kampung maka datanglah bala dari Tuhan. Barang mahal, minyak tidak ada, pelacuran banyak, night club banyak, orang ramai meminum arak di merata-rata pekan. Ini semuanya bala dari Tuhan kerana tidak ada orang menyasat agama yang dijalankan di negara kita ini. Saya sangat gembira dengan Bill ini dan saya berharap jangan ditinggal di Bill ini sahaja. Kita harap akan dapat dijalankan di serendah-rendahnya pelajaran agama yang akan diajarkan kepada murid-murid ini sehingga ke universiti.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga mengambil peluang bercakap berkenaan dengan sekolah agama rakyat yang ada sekarang di merata-rata kampung. Saya sangat dukacita tiada siapa pun yang mengambil tahu samada sekolah itu berbangku, bermeja, berpapan hitam, berkapur, kopak-kapik dan membersihkannya, walhal guru-gurunya dibayar gaji oleh Kerajaan Negeri. Setahun sekali pun tiada siapa yang datang melawat sekolah-sekolah itu. Terserahlah bulat-bulat kepada orang-orang kampung yang ada di situ. Saya beri contoh di kampung saya sendiri (Kampung Batu) sekolah itu Kerajaan buat dengan perbelanjaan sebanyak \$25,000 guru-gurunya dibayar oleh Kerajaan Negeri, pagi belajar agama dan bahasa Arab dan tengahari belajar agama dan Bahasa Kebangsaan. Budak-budak ini belajar bersungguh-sungguh, tetapi apabila tamat pelajarannya ke mana hendak dihantar? Tidak tahu ke mana hendak pergi menyambung pelajarannya sehingga murid-murid yang belajar di sekolah itu tidak ada seorang pun dari anak-anak kampung saya sendiri. Semuanya datang dari kampung yang berdekatan. Saya merayu kepada Kerajaan supaya berunding dengan Kerajaan-kerajaan Negeri bahawa sekolah-sekolah yang semacam ini patutlah diambil alih oleh Kerajaan Pusat di bawah pentadbiran Kementerian Pelajaran. Biarlah Kerajaan-kerajaan Negeri mengambil hal ehwal agama dalam bidang fatwa, puasa, zakat haji, adat istiadat negeri dan memasukkan orang-orang yang baru masuk agama Islam. Berkenaan dengan sekolah-sekolah agama, serahkan bulat-bulat kepada Kementerian Pelajaran. Kalau tidak kita buat, sekolah-sekolah agama di kampung-kampung itu dipandang sepi dan rendah oleh masyarakat.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya, kalau negara kita hendak aman, maju dan makmur bukan sahaja murid-murid yang beragama Islam sahaja dikuatkan belajar agama, tetapi murid-murid bangsa asing juga dikuatkan belajar ugamanya masing-masing. Dengan ajaran agama sahajalah kita boleh hidup berbaik-baik antara satu kaum dengan satu kaum dan kita tidak akan cemburumencemburui atau curiga-mencurigai antara satu kaum dengan satu kaum.

Sekianlah pandangan saya pada Bill ini dan saya menyokong sepenuh-penuhnya untuk diluluskan.

6.18 ptg.

Tuan Ismail bin Sheikh Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong Bill ini. Di samping itu, suka saya menyentuh berkenaan dengan pindaan Akta Pelajaran, 1961 yang bertujuan memberi kuasa kepada Kerajaan Persekutuan mengambil alih pelajaran agama Islam di sekolah-sekolah rendah.

Tujuan Bill ini kita percaya adalah sangat baik dan sebagaimana yang telah disebutkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat tadi, saya juga bersetuju bahawa yang mana kita katakana bahawa Bill ini tentulah sudah terlambat. Walaupun begitu kesedaran yang ada pada hari ini untuk mengambil alih pelajaran agama di sekolah-sekolah rendah ini adalah sangat baik bagaimana yang saya sebutkan tadi. Walaupun begitu kita percaya bagi pihak Kerajaan Negeri juga tentulah berasa ringan atas bebanan yang ditanggung berkenaan dengan pengajaran agama di sekolah-sekolah rendah ini terutama sekali berkenaan dengan kedudukan kewangan dan lain-lain perkara lagi. Saya bersetuju sebagaimana yang diucapkan oleh Yang Berhormat Datuk Nik Hassan tadi. Walaupun begitu, di dalam Bill ini tentu juga sebagaimana yang telah disuarakan oleh Yang Berhormat Datuk Haji Razak tadi berkenaan keraguan atas Bill ini memanglah kita tahu bahawa keputusan Bill ini dengan persetujuan daripada pihak berkuasa negeri. Walau macam manapun kita percayalah sebagaimana yang kita tahu bahawa bebanan berkenaan dengan Bill ini adalah bagi pihak Kerajaan Negeri sebagaimana di negeri saya, sebagai negeri Perlis bebanan Kerajaan Negeri itu adalah kekurangan, kekurangan kewangan itu memang tidak dapat dinafikan. Saya suka menyentuh di dalam Bill ini dan saya menyokong dengan sepenuh-penuhnya.

Saya suka menarik perhatian iaitu sebagaimana yang kita tahu bahawa tujuan saya menyokong Bill ini ialah kerana Bill ini boleh melicinkan pentadbiran agama dalam usaha memperimbangkan kehendak moral dan material dan meletakkan pelajaran agama di tempat yang sewajarnya sebagai agama rasmi di negara ini, menyemaikan dengan lebih kukuh dan berkesan prinsip pertama dalam Rukunegara dan membolehkan pula Kerajaan Negeri menumpukan

kegiatan-kegiatan agama dalam perkara-perkara yang lain lagi. Di samping itu, apa yang diharapkan di dalam pelaksanaan Akta ini memberi nilai yang menggalakkan ke arah kemajuan pelajaran agama, mendirikan maktab-maktab khas bagi melatih guru-guru agama dengan latihan yang boleh menyampaikan pelajaran kepada murid-murid dengan lebih berkesan, membentuk keperibadian guru-guru selaras dengan tugas-tugas yang dipikul oleh mereka, mengeluarkan buku-buku agama yang bermutu seperti buku-buku teks dan bacaan tambahan dan juga menyatukan fahaman agama yang berasaskan surah asasi Al-Quran dan Hadith.

Apa yang patut saya sebutkan sebagai perhatian, dengan terlaksananya akta ini apakah yang akan jadi kepada murid-murid agama di sekolah-sekolah agama rakyat yang jumlah bilangannya lebih daripada 50,000 yang pada suatu masa dahulu pernah diura-urakan sekolah itu akan diambil alih oleh Kerajaan Pusat, pada pendapat saya perkara ini patut disegerakan, sekurang-kurangnya sebuah sekolah agama bagi tiap-tiap sebuah negeri ditakbirkan oleh Kerajaan Pusat bagi membekalkan guru agama dan kadar-kadar bagi mengawasi di Pusat-pusat Pengajian Tinggi Agama Islam. Walaupun barangkali telah ada sekolah-sekolah yang begini telahpun diambil oleh Kerajaan Pusat di negeri-negeri yang lain tetapi di negeri Perlis pada masa dahulu telahpun saya bangkitkan masalah sekolah agama ini dan telahpun dijawab bahawa sekolah-sekolah yang diambil pada tiap-tiap negeri itu adalah dengan persetujuan Kerajaan Negeri, tetapi hampaknya negeri Perlis telahpun mendapat persetujuan iaitu sebuah sekolah Arab yang ada di negeri Perlis hingga hari ini belumlah lagi diambil alih sekolah itu, tidak tahu bagaimana kedudukannya dan kita berharap perkara ini dapat dilaksanakan dan dapat diambil alih oleh pihak Kerajaan Pusat.

Selain daripada itu manakala pelajaran agama Islam di sekolah-sekolah bantuan Kerajaan telah diambil alih, pada pendapat saya patut juga Kerajaan memikirkan bagi memberi pelajaran agama lain kepada murid-murid yang bukan beragama Islam kerana pelajaran agama adalah satu-satunya kubu kebal pengaruh komunis dan keruntuhan moral. Dalam soal pelaksanaan ini saya berharap dapatlah pihak Kerajaan Pusat akan mengambil perhatian yang berat dalam perkara ini.

6.24 ptg.

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: Tuan Yang di-Pertua, saya juga mengambil bahagian untuk memberi penerangan dari segi undang-undang dalam perkara ini, kerana takut timbul salah sangka kerana banyak perkara-perkara yang ditimbulkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat bersabit dengan Perlembagaan dan undang-undang.

Sebenarnya, undang-undang ini boleh kita bawa di sini dengan sebab ayat yang ada dalam Perlembagaan, saya sebutkan di sini untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat di bawah Fasal 12 (2) yang antara lain menyebutkan:

“... tetapi undang-undang Persekutuan atau undang-undang Negeri boleh mengadakan bantuan kewangan khas untuk menubuh atau menyenggara yayasan-yayasan Islam atau untuk ajaran-ajaran mengenai agama Islam bagi orang-orang yang menganuti agama Islam itu.”

Jelas di sini dengan adanya peruntukan seperti itu baharulah pihak berkuasa Kerajaan Persekutuan mengeluarkan wang untuk yayasan agama Islam. Sekiranya tidak ada bermakna tidaklah boleh seseorang itu mengeluarkan untuk yayasan agama Islam yang saya sebutkan, sebaliknya untuk bantuan khas atau bantuan wang untuk agama Islam atau pelajaran agama Islam.

Dalam Perlembagaan Persekutuan Fasal 3 (2) ada menyebutkan:

“3 (2) Dalam tiap-tiap Negeri melainkan Negeri-negeri yang tidak mempunyai Raja, kedudukan Raja sebagai Ketua Ugama Islam dalam Negerinya secara dan setakat mana yang diakui dan diisytiharkan oleh Perlembagaan Negeri itu, dan juga, tertakluk kepada Perlembagaan Negeri itu, segala hak keistimewaan, hak-kedaulatan dan kuasa yang dinekmati olehnya sebagai Ketua Ugama Islam tidaklah tersentuh dan tercacat;”

Bermakna, dalam Perlembagaan telah menyatakan makna kedaulatan hak Raja, keistimewaan agama Islam yang ada pada masa kita merdeka dahulu dan tercatat dalam State Constitution atau Perlembagaan Negeri tidak sedikit pun terjejas kuasa-kuasa itu. Ini terang dan nyata. Hak inilah yang dikatakan perkara di bawah issue yang dilarang daripada dibahaskan di luar kerana termasuk di bawah Sedition Act. Oleh sebab

itulah di sini kalau kita hendak mengadakan kolej untuk guru-guru agama, hantarkan ke sekolah agama seperti kehendak Yang Berhormat tadi. Undang-undang Negeri Perlis ada menyatakan tidak seorang pun boleh mengajar agama Islam dalam negeri itu melainkan ada fatwa yang dikeluarkan oleh Majlis Ugama Islam. Kalau tidak, tidak boleh dan orang itu ditangkap. Kalau dia kena lagi sekali temuduga atau diperiksa oleh Kerajaan Negeri mengenai agama Islam, kalau dia setuju dapat fatwa baru boleh mengajar. Kalau tidak, tidak boleh. Sesiapa yang mengajar agama Islam di negeri itu adalah salah. Itu adalah kuasa Kerajaan Negeri, Kerajaan Persekutuan tidak ada kuasa langsung. Misalnya satu kesusahan bagaimana hendak menjalankan perkara itu. Oleh sebab itu undang-undang yang ada ini cuma membolehkan Kerajaan Persekutuan mengambil alih sekolah rendah jenis kebangsaan dan bukan sekolah agama sebagaimana yang ada di dalam Negeri Johor dan Perlis. Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan ada kelas agama di dalamnya, sekarang dibantu separuh. Sekiranya Kerajaan Negeri bersetuju, baru boleh, kalau tidak bersetuju, tidak boleh. Kuasa mengajar agama itu ada pada Kerajaan Negeri. Oleh itu kita tidak boleh membuat undang-undang yang mengatakan ambil satu-satu perkara agama oleh Kerajaan Negeri melainkan ada persetujuan. Saya percaya Yang Berhormat Menteri akan menerangkan sekarang. Bukan semua negeri yang bersetuju. Ada negeri senang mendapat wang seperti negeri Johor, negeri-negeri lain lagi bagus dengan cara ajaran agama daripada yang diadakan di Persekutuan. Tetapi tidak hendak menurut. Dia ada wang yang cukup, semua lengkap untuk perbelanjaan agama Islam antara \$8-\$10 juta. Di sini undang-undang ini membolehkan yang mana Kerajaan Negeri yang difikirkannya bahawa pentadbirannya tidak begitu bagus, kurang wang, maka masa itulah diambil kesempatan, kerana Perlembagaan membolehkan Kerajaan kita mengadakan bantuan kewangan. Tetapi tentang yayasan dan lain-lain seperti yang disebutkan oleh Datuk Nik Hassan tadi, Kerajaan boleh membantu seberapa banyak untuk menyebarkan agama Islam. Saya suka terangkan lagi bahawa Majlis Ugama Islam yang ditubuhkan di Jabatan Perdana Menteri itu adalah semata-mata sebagai Badan Penasihat kerana kuasa tidak ada padanya. Penasihat Kerajaan Persekutuan mengadakan kewangan untuk

memberi dakwah dalam perkara-perkara agama Islam. Tetapi hendak buat sesuatu perkara yang di bawah kuasa Kerajaan Negeri tak boleh. Yang ada sekarang yang boleh kita buat ialah dalam Wilayah Persekutuan, itu Kerajaan Persekutuan penuh berkuasa. Untuk Pulau Pinang dan Melaka ialah Yang di-Pertuan Agong berkuasa dengan Majlis Ugama di Negeri Pulau Pinang dan juga di Negeri Melaka. Keterangan ini, saya hendak terangkan supaya jelas dan nyata perkara ini jangan kita keliru peruntukan yang tersedia ada berkenaan dengan sekolah agama.

Yang kedua, kalau ada terlepas mengatakan agama Islam itu boleh diajar kepada semua orang kerana ada menyalahi di sini, tak boleh mengajar agama Islam kepada orang yang bukan Islam, melainkan kalau dia berumur di bawah 18 tahun dan mendapat persetujuan daripada ibu-bapa mereka. Oleh sebab itu, anak-anak kita yang belajar di sekolah-sekolah Kristian tidak boleh belajar, melainkan dengan persetujuan daripada ibu-bapanya baru anak dia boleh belajar agama, tidak boleh kita ajar, tetapi agama dia masing-masing bolehlah dia belajar. Kalau hendak mengadakan pula guru, misalnya, tentang Buddhism, Kristian dan lain-lain, saya fikir boleh jadi bercanggah dalam Perlembagaan, kerana Perlembagaan menyatakan yang boleh diuntukkan kewangan itu untuk belajar agama Islam, agama lain tak ada disebutkan. Kalau itu tak disebut bermakna dari segi Perlembagaan tidak boleh diadakan, pada hal agama Islam itu agama rasmi, sedangkan dia ada peruntukan hendak mengeluarkan wang. Saya menerangkan di sini cuma dari segi undang-undang seberapa yang boleh untuk memberi penerangan supaya jangan tersilap.

Yang Berhormat Tuan Haji Dzulkifli, saya suka mengatakan di sini bahawa bukan kita tidak ambil berat berkenaan dengan agama Islam Negeri-negeri di Sabah dan Sarawak. Dalam Perlembagaan ada peruntukan Pelajaran agama Islam di Negeri-negeri Borneo—Perkara 161C, 161C di mana bukan kita boleh buat sebarang—ada syarat-syarat bukan kita hendak memberi bantuan, misalnya, sekatan-sekatan yang kuat kerana masa kita bersatu dengan Kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak, kedua-dua negeri pada masa itu sangat-sangat menjaga, jangan diganggu oleh Kerajaan Persekutuan berkenaan dengan agama-agama dalam negeri.

Saya misalkan satu sahaja, kalau kita hendak memberi satu bantuan kewangan dalam satu negeri beragama Islam dalam Sabah atau Sarawak mesti ada pula dinyatakan dalam Perlembagaan:

161C (2) maka hendaklah dibayar oleh Kerajaan Persekutuan kepada Sabah atau Sarawak, mengikut mana yang berkenaan, dan digunakan bagi maksud-maksud kebajikan dalam Negeri itu, jumlah wang yang sepadan dengan hasil yang didapati oleh Persekutuan dari Negeri itu dalam tahun itu mengikut kadar yang sama seperti pemberian itu dengan hasil yang didapati oleh Persekutuan dari Negeri-negeri lain dalam tahun ini.”

Bermakna kalau hendak beri peruntukan kewangan bagi agama Islam dalam Negeri Sabah dan Sarawak. Kerajaan mesti mengadakan kewangan bagi sama banyak, lebih kurang mengikut bagaimana syarat yang ada ini kepada bukan agama lain untuk kebajikan am, maknanya orang yang bukan Islam. Ini perkara yang berat dan kalau ada undang-undang pun ada peruntukan, bukanlah Kerajaan Persekutuan itu tidak mengambil berat tentang pergerakan agama yang kita sangat puji di Sabah, yang kita tahu masa ini berapa banyak orang-orang telah memelok agama Islam, sebab kita tahu Yang Amat Berhormat Tun Datu Mustapha dan juga Kerajaan Negeri Sabah sangat mengambil berat tentang agama Islam.

Itulah keterangan saya, tuan Yang di-Pertua, bagi Ahli-ahli Yang Berhormat di sini dalam perkara yang saya fikir patut saya beri penerangan.

6.34 p/g.

Tuan Haji Mohamed bin Yaacob: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan berbilang terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengemukakan beberapa perkara dalam membahaskan Rang Undang-undang ini, dan juga saya berterima kasih kepada yang Berhormat Peguam Negara kerana telah menerangkan daripada segi Perlembagaan dan saya tidak hendak menyentuh lagi berkenaan dengan hal Perlembagaan.

Cuma saya fikir Yang Berhormat Tuan Haji Othman bin Abdullah ada sedikit kekeliruan berkenaan dengan pengambilan alih pelajaran agama ini. Sebenarnya

maksud Rang Undang-undang ini ialah pengambilan alih pelajaran agama di sekolah-sekolah Kerajaan, sekolah rendah kebangsaan, sekolah menengah kebangsaan dan juga sekolah penuh bantuan seperti yang dahulu dipanggilkan mission school atau sebagainya bukan sentuh dengan sekolah-sekolah agama rakyat, itu memang di bawah tabdiran Kerajaan Negeri, kita tidak sentuh cuma kita sentuh pelajaran agama di sekolah-sekolah Kerajaan sahaja. Kita tidak bercadang hendak mengambil alih sekolah-sekolah agama rakyat, ini terserah kepada Kerajaan Negeri masing-masing kerana sebagaimana yang telah diterangkan oleh Yang Berhormat Peguam Negara agama ini adalah hak kuasa Kerajaan Negeri masing-masing.

Yang Berhormat Datuk Haji Abdul Razak daripada Pahang menyatakan beliau risau sedikit berkenaan dengan pindaan ini. Memang sebagaimana yang telah diterangkan oleh Yang Berhormat Peguam Negara kita mengambil alih ini dengan syarat Kerajaan Negeri masing-masing membenarkan. Jadi kita sudah dapat kebenaran daripada 7 buah negeri tidaklah termasuk Negeri Pahang—belum lagi tetapi Pulau Pinang sudahpun ada dan Johor pun juga ada berkenaan dengan mengambil alih pelajaran agama di sekolah-sekolah kebangsaan tetapi Kerajaan Johor mengadakan juga sekolah-sekolah agama seperti yang Kerajaan ini pernah, telah dan sedang adakan cuma yang di dalam sekolah kita sahaja Kerajaan Negeri Johor mempersetujui kita mengambil alih.

Di Mesyuarat Menteri-menteri Besar telah berbincang hal ini beberapa tahun yang lepas dan Mesyuarat Menteri Besar bersetuju supaya Kerajaan Pusat mengambil alih pelajaran agama ini dengan syarat Kerajaan Negeri pula memberi persetujuannya maka Kementerian Pelajaran telah merujuk perkara ini kepada semua Kerajaan-kerajaan Negeri. Jadi setakat hari ini kita ada menerima sebagaimana kata saya tadi 7 buah negeri dan kita harap negeri-negeri lain pun akan bersetuju kemudian hari tetapi pada masa ini kita akan jalankan di negeri-negeri yang bersetuju sahaja dahulu.

Saya tidak hendak sentuh juga komen daripada Yang Berhormat Datuk Nik Hassan oleh sebab itupun telah diterangkan

oleh Yang Berhormat Peguam Negara. Berkenaan dengan pengsyoran supaya Kerajaan Pusat ataupun Kementerian Pelajaran mengambil alih sekurang-kurangnya sebuah sekolah agama daripada sebuah negeri. Inipun juga dengan sebab banyak Kerajaan-kerajaan Negeri tidak memberi persetujuan lagi maka tidak dapatlah Kementerian Pelajaran hendak mengambil alih. Ada Kerajaan Negeri yang bersetuju hendak menolak sebuah sekolah tetapi sekolah itu bukanlah boleh jadi model pada masa akan datang. Tujuan Kementerian hendak mengambil alih ini supaya dapat menjadi sekolah yang model sepertilah dengan Kolej Islam di Kelang dan daripada sekolah-sekolah inilah kita berharap penuntut-penuntut kelulusan itu boleh masuk ke fakulti Islam baik di Universiti Kebangsaan ataupun di Universiti Malaya pada masa akan datang dan juga yang pergi belajar di universiti-universiti seberang laut. Kita masih menunggu jawapan daripada Kerajaan-kerajaan Negeri lain yang belum lagi memberi jawapan untuk kita menjalankan rancangan ini.

Itulah sahaja penjelasan saya, dan Yang Berhormat Peguam Negara telahpun menerangkan selanjutnya.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan di-setujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 dan 2 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilapurkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG BAHAN LETUPAN (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

6.41 ptg.

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya suatu Rang Undang-undang yang

bernama Suatu Akta bagi meminda Ordinan Bahan Letupan, 1957 dibaca bagi kali yang kedua.

Pindaan ke atas Ordinan Bahan Letupan ini ialah dengan maksud untuk menggantikan takrif bagi perkataan "Minister" yang terdapat dalam Akta ini dengan takrif baru. Di dalam Ordinan ini takrif yang terdapat ialah seperti berikut:

"Minister means the Minister charged with the responsibility for natural resources".

Memandangkan penggunaan bahan-bahan letupan melibatkan ketenteraman dan juga keselamatan dalam negeri adalah dirasakan sesuai dan wajar jika takrif "Minister" itu ditukar dengan takrif yang baru seperti berikut:

"Minister' means the Minister charged with the responsibility for explosives;".

Dengan ini Menteri yang bertanggungjawab mengenai bahan-bahan letupan ialah Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri dan bukannya Menteri yang bertanggungjawab mengenai hasil bumi.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Tuan Law Hieng Ding: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan di-setujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 dan 2 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilapurkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG SENJATA (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

6.45 ptg.

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang yang bernama satu Akta bagi meminda Akta Senjata, 1960 dan untuk membuat satu pindaan berbangkit kepada Akta Senjata Penalti Lebih Berat, 1971, dibaca bagi kali yang kedua.

Kerajaan telah mengkaji keadaan yang ada sekarang di mana jenayah yang melibatkan senjata begitu meluas dan memikirkan wajar bagi menambahkan hukuman dan denda ke atas kesalahan-kesalahan yang dibuat di bawah Akta Senjata, 1960. Disamping itu bagi mengawal dengan lebih ketat penggunaan senjata oleh pelesen-pelesen yang diluluskan supaya tidak membahayakan orang awam, peruntukan-peruntukan bagi kesalahan yang baru serta dengan hukuman-hukuman diwujudkan di bawah Akta ini. Satu kekurangan lagi yang menunjukkan dalam Akta Senjata, 1960 ialah dengan tiadanya peruntukan-peruntukan bagi melesenkan pembuat (manufacturer) senjata atau membuat peluru serta peruntukan-peruntukan untuk mengawal perbuatan ini. Pindaan dibuat untuk mengadakan satu definisi perkara lesen manufacturer dan manufacturer dan peruntukan-peruntukan berkaitan dengan pelesen dan pembuat senjata atau membuat peluru. Hukuman maksima kerana membuat senjata atau peluru tanpa lesen ialah hukuman bunuh atau penjara seumur hidup. Yang bermakna di sini bertakrif penjara selama hayatnya bagi maksud Akta ini dan juga sebat tidak kurang dari 6 kali bagi orang perseorangan, tetapi jika kesalahan itu adalah satu syarikat atau firma, denda maksimumnya ialah \$500,000. Bagi melanggar syarat-syarat lesen, hukumannya ialah denda \$25,000 bagi orang perseorangan, dan \$100,000 bagi syarikat atau firma. Suka saya menegaskan di sini lesen untuk membuat senjata atau peluru hanya akan diberi jika dianggap perlu demi keselamatan dan kepentingan negara.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan yang dicadangkan ke atas Akta Senjata Penalti Lebih Berat, 1971 ini bertujuan untuk meminda Seksyen 2 Akta tersebut supaya

selaras dengan Akta Senjata, 1960 sebagai mana yang dicadangkan oleh Rang Undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin hendak menjelaskan di sini juga adalah pindaan kepada Akta Senjata, 1960 ini ialah semata-mata hendak mengawal penggunaan senjata-api serta pembuatan senjata atau peluru. Dengan adanya pindaan ke atas Akta ini dapatlah Kerajaan mengawal dengan lebih ketat lagi akan perkara-perkara yang berkaitan dengan senjata-api sejajar dengan keadaan masyarakat pada masa sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, soal ini ialah soal keselamatan dan kepentingan negara. Saya percaya Dewan ini dengan tidak ragu-ragu akan memberi sokongan yang penuh terhadap Rang Undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Tuan Law Hieng Ding: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

6.49 *ptg.*

Tuan Kamarul Ariffin bin Mohd. Yassin: Tuan Yang di-Pertua, saya suka mengambil bahagian sedikit di dalam membahaskan Rang Undang-undang ini.

Saya menyokong sepenuhnya Rang Undang-undang ini dan saya cuma minta sedikit penjelasan daripada Yang Berhormat Peguam Negara berkenaan dengan Fasal 14, tambahan kepada Akta Senjata, 1960, iaitu tambahan baharu Seksyen 33 (a) dan 33 (b).

Saya minta penjelasan dari segi seksyen 33 (b). Di sini disebutkan dalam bahasa Inggerisnya:

"No person shall discharge an arm.

(a) except at the place permitted in writing to be used as a shooting range by the Chief Police Officer of the State where the place is situated;

(b) except for the protection of life or property."

Saya bangkitkan dua perkara sahaja. Di bawah peruntukan baru 33 (b) ini tidak ada sesiapa pun boleh melepaskan tembakan kecuali di satu lapangan sasaran tembak (shooting range). Kita tahu tidak banyak shooting range atau pun lapangan sasaran tembak dinegeri kita ini. Yang ada cuma yang digunakan oleh tentera dan polis dan

juga yang digunakan oleh Persatuan Menembak, sungguhpun kita ada Persatuan Menembak Kebangsaan dan di tiap-tiap negeri ada mempunyai Persatuan Menembak negeri-negeri, tetapi boleh di katakan tidak banyak lapangan sasaran tembak ini, kalau ada pun kebanyakannya itu terletak berhampiran dengan bandar. Jadi kita tahu ramai orang-orang kampung yang mempunyai senjata-api umpamanya senapang patah. Nampaknya tidaklah boleh bagi orang-orang kampung itu melepaskan tembakan atau pun untuk practice umpamanya, kerana di kampung-kampung tidak mempunyai lapangan sasaran tembak. Saya minta penjelasan sedikit, barangkali orang-orang kampung kalau dia hendak mencari jalan keluar dari segi undang-undang ini, mereka boleh mengambil kesempatan mungkin di bawah Fasal 33 (b) "Except for the protection of life or property". Kalau orang-orang kampung hendak practice menembak dengan senapang patah, mungkin dia tembak tupai dan dia akan berkata itu untuk menjaga harta bendanya. Ini mungkin satu jalan keluar, dan saya minta sedikit penjelasan bagaimana kita boleh mengatasinya. Kita tahu bagi orang-orang yang mempunyai senjata-api samada small arm atau pun senapang patah, eloklah mereka dari semasa ke semasa menjalankan practice dan yang baik sekali ialah di lapang sasaran tembak, tetapi bagi mereka yang tidak ada lapangan sasaran tembak yang berhampiran, terpaksa dari semasa ke semasa dia mencuba juga (test) menguji sanapangnya atau pun pistolnya. Saya minta penjelasan sedikit bagaimana kita hendak mengatasi problem itu bagi orang-orang yang tidak ada berhampiran dengan lapangan sasaran tembak.

Saya menyokong dengan sepenuhnya Rang Undang-undang ini.

6.55 *ptg.*

Tuan Haji Othman bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya satu sahaja berkenaan dengan senjata-api daripada syarikat yang disebutkan oleh Peguam Negara yang tidak dikenakan hukuman, hukuman seperti orang perseorangan, mungkin agaknya syarikat itu tidak ada yang hendak dimasukkan dalam jel. atau pun yang hendak dihukum sebat, (tentang mana yang hendak disebut syarikat itu), tetapi syarikat itu sendiri tentu ada orang

yang menjalankannya. tentulah ada ketuanya, pengerusinya, atau Lembaga Pengarahnya.

Saya rasa elok kalau sekiranya syarikat itu terlibat, maka Lembaga-lembaga Pengarah itu disebut semua sekali. Itu baru adil, kalau tidak bagaimana, lepas begitu sahaja, dia sudah buat senjatapi dan membunuh beberapa orang, tetapi dia cuma digantungkan sahaja syarikatnya itu, atau didenda sampai \$5½ juta. Saya rasa patut ditimbangkan juga orang-orang yang terlibat atas nama syarikat, ahli-ahli Lembaga syarikat itu bertanggungjawab tentang perbuatan syarikat yang melanggar Undang-undang. Jadi ahli Lembaga itu dipukul, jangan dalam jel dipukul, dibawa ke tengah padang dan dipukul 10 kali seorang. Dibuat undang-undang, kalau tidak ada law, buatlah undang-undang, sebab ini bukanlah undang-undang Allah taala. Ini adalah undang-undang kita, masalahnya kita fikirkan begitu supaya tidak mencederakan orang.

Yang keduanya, tentang kemasukan senjatapi secara haram ke negara kita ini. Mungkin ada penyeludupan senjatapi masuk ke negara kita secara yang tidak disedari dan mungkin banyak agaknya senjatapi dimiliki oleh orang dengan tidak sah, serta diseludupkan daripada luar negeri. Saya rasa, tindakan yang lebih tegas dan lebih berkesan harus diambil untuk mencegah orang-orang yang menggunakan senjatapi tanpa lesen ini serta kalau ada badan-badan yang menyeludupkan senjatapi ini daripada luar negeri masuk ke negara kita, kalau didapati perkara ini berlaku, maka orang itu bolehlah dihukum seperti yang saya katakan tadi sampai seumur hayatnya dan disebut sampai 6 kali. Saya rasa 6 kali itu tidak padan, sebab dia membunuh orang. Lebihkan sebat itu sampai 20 kali atau 12 kali, baru dia tahu, baru dia terasa, dan dipukul ditengah khalayak orang ramai supaya orang tahu yang kesalahan ini ialah kesalahan membunuh orang dengan menggunakan senjata yang tidak dihalalkan.

Itulah sahaja pandangan saya mengenai Rang Undang-undang ini.

6.56 ptg.

Tuan Haji Mohd. Saaid bin Haji Abu Bakar: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong Bil ini.

Saya hendak beri sedikit pandangan sahaja. Dalam bil ini mengatakan hukuman berat. Tetapi sesungguhnya hukuman berat, kalau dibandingkan bagi seseorang itu bila dia masuk penjara, dikatakan hukuman berat, itu tidak ada bezanya bila dia berada di dalam penjara sama dengan orang yang disyaki yang masuk ke situ; orang yang mencuri ayam pun masuk ke situ juga; semuanya serupa layanan yang didapatinya di dalam penjara itu. Jadi tidak ada perbezaan, walaupun dia membunuh orang, dan dia mempunyai senjatapi, merogol, atau orang yang tidak membayar hutang, seperti kena saman, tidak upaya membayar hutang, dan bila dia masuk jel serupa sahaja hukumannya, tidak ada beza lavanannya; hanya bezanya hukuman seumur hidup atau penaltinya mati (death).

Tuan Yang di-Pertua, kita mestilah ada bezanya bagi orang-orang jenayah yang sebegini besar perkaranya supaya di asingkan daripada orang yang mempunyai jenayah yang kecil ini.

6.59 ptg.

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab pandangan Yang Berhormat Tuan Haji Mohd. Saaid berkenaan dengan hukuman penjara, di sini tidak seperti dahulu "rigorous imprisonment and simple imprisonment". Sekarang kita sebut hukumannya ialah jel atau penjara sahaja, tetapi hukuman berat itu samada panjang atau lama di penjara.

Yang kedua, kalau dia kena sebat atau tidak, dan juga kalau ada satu hukuman kena sebat, misalnya merompak, kena hukum 5 tahun dan seorang lain kena masuk jel oleh sebab satu kesalahan yang tidak upaya membayar denda (fine) disebabkan kesalahan yang ringan, saya percaya ada peraturan dalam jel itu yang membezakan di antara keduanya itu. Itu yang saya tahu, tetapi dalam undang-undang ini tidak ada, boleh jadi dalam peraturan penjara itu ada berlainan.

Berkenaan dengan pandangan Yang Berhormat Tuan Haji Othman bin Abdullah mengenai hukuman, saya hendak menerangkan di sini tentang hukuman bagi membuat senjatapi atau peluru. Untuk membunuh seseorang itu, sudah tetap hukumnya bunuh. Jadi tidak ada jel seumur hidup lagi, ada undang-undang lain.

Membuat senjatapi dengan tak berlesen seperti yang kita dengar di Utara sekarang pistol-pistol dibuat dengan sulit, ia juga dibuat oleh kominis, di hutan membawa cartridge kadang-kadang membuat pistol sendiri dengan menggunakan peluru betul. Ini merbahaya pada negara. Itulah yang kita hendak kawalkan satu daripadanya.

Berkenaan dengan hukuman kepada syarikat, sebetulnya dalam undang-undang ini, syarikat (firm) atau corporation perseorangan, firma itu boleh dihukum dan di dalam undang-undang ini orang yang menjalankan firma itu pun boleh dihukum. Biasanya, kalau ada satu-satu firma membuat kesalahan kita ambil tindakan terhadapnya. Pertama, kepada firma dan kedua kepada pengurus dan juga orang yang bertanggungjawab yang menjalankannya itu. Kepada firma itu kita tidak hendak gantung (seal), mestilah diadakan hukuman wang yang cukup banyak yang boleh dikatakan teruk kepada firma itu memikulnya, tetapi ini tidak bermakna orang-orang yang bertanggungjawab itu tidak dihukum, kerana ada dalam seksyen 41 Akta Senjatapi, syarikat yang didapati salah pada mana-mana kesalahan itu Ahli-ahli Lembaga Pengarah (Board of Directors) dan Pegawai-pegawai yang bertanggungjawab dalam syarikat itu adalah dianggap bersalah pada tuduhan yang sama iaitu kita dapati dua-dua sekali. Saya fikir Ahli Yang Berhormat berpuas hati bukan sahaja firma itu yang kena denda, tetapi orang yang bertanggungjawab termasuklah Lembaga Pengarah, Pengurus dan lain-lain.

Yang Berhormat Senator Kamarul Ariffin, saya pun susah hendak menjawabnya, kerana saya pun ada mempunyai pistol, bagaimana kita hendak prektis, kalau tak menembak, beli sahaja pistol dan ada lesen, tetapi kita hendaklah menggunakannya, mungkin tiga bulan sekali hendak prektis, tidak guna kita bawa pistol bawa senjata. Dalam undang-undang ini menyebutkan tempat, selain daripada itu memang salah. Samada kita pergi shooting range atau kita pergi beramai-ramai mengatakan kepada Pegawai Polis, OCPD di kawasan itu bahawa kita hendak prektis menembak pistol, maka diajaklah kita pergi beramai-ramai ke satu tempat atau tempat yang disetujui, prektis menembak di situ.

Selain daripada itu, saya nampak caranya yang dibuat, misalnya, kalau ada tupai di atas pokok ditembak. Itu satu. Satu lagi yang dibuat sekarang ialah pergi ke tempat-tempat yang jauh yang tak ada orang langsung, di situ menembak dengan pistolnya lima enam kali, tetapi kalau ada Polis berhampiran, maka ini menjadi satu kesalahan, tak ada jalan lain. Saya tak dapat menerangkan selain daripada jalan yang saya sebutkan tadi; dahulu saya amalkan begitu, tetapi sekarang saya tak berani lagi buat begitu, cara itu yang saya buat.

Tuan Haji Othman bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, minta penjelasan. Adakah bermakna kalau kita tembak, orang nampak—salah, kalau orang tak nampak, tak salah?

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: Kesalahan itu betul, Tuan Yang di-Pertua, kalau dapat direpot kepada Polis atau ada orang di situ, kalau kita jauh berbatu berhenti di tengah jalan jauh-jauh, menembak, tak ada seorang jua pun, kita sahaja yang tahu salah, orang lain tak tahu. Ini undang-undang negeri bukan undang-undang Tuhan.

Sekianlah, Tuan Yang di-Pertua, yang dapat saya jawabkan pandangan Ahli-ahli Yang Berhormat.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan*
(Jawatankuasa)

Fasal 1 hingga 20 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilapurkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG PEMBASMI MALARIA (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

7.08 mlm.

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: Tuan Yang di-Pertua, saya mencadangkan satu Rang Undang-undang bertajuk Akta Pembasmi Malaria (Pindaan) 1974 dibaca bagi kali yang kedua.

Seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum Akta Pembasmi Malaria 1971 kemudian daripada ini disebut Akta Ibu telah diluluskan dan berkuatkuasa pada 27hb September, 1971 dalam mana Lembaga Pembasmi Malaria telah ditubuhkan dan bertanggungjawab bagi membuat syor-syor kepada Menteri Kesihatan berkenaan dengan dasar dan progem membasmi malarial.

Ahli-ahli Lembaga Pembasmi Malaria sebagaimana yang terdapat di bawah Seksyen 4 (1) Akta Ibu terdiri daripada ahli-ahli berikut:

- (a) Ketua Pengarah Kesihatan, Kementerian Kesihatan yang akan menjadi Pengerusi.
- (b) Seorang wakil Kementerian Buruh.
- (c) Seorang wakil Kementerian Pertanian dan Tanah.
- (d) Pengarah Perkhidmatan Kesihatan, Kementerian Kesihatan.
- (e) Pengarah Pembasmi Malaria, Kementerian Kesihatan yang akan menjadi Setiausaha.

Tujuan mengadakan Akta Pembasmi Malaria (Pindaan), 1974 ini ialah untuk meminda Seksyen 4 (1) tersebut di dalam Akta Ibu berhubung dengan keanggotaan Lembaga Pembasmi Malaria itu iaitu Fasal

2 (a) Akta Pembasmi Malaria (Pindaan) 1974, ialah untuk menggantikan seorang wakil Kementerian Pertanian dan Tanah dengan seorang wakil Kementerian Pertanian dan Perikanan. Ini adalah berikutan dengan penukaran tanggungjawab Kementerian yang menguruskan hal pertanian, kedua-duanya telah diasingkan.

Fasal 2 (b) dalam Akta ini ialah untuk menambah seorang ahli Lembaga iaitu seorang wakil Kementerian Kemajuan Tanah.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Tuan Law Hieng Ding: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan di-setujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 dan 2 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilapurkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditangguhkan sekarang kepada suatu tarikh yang tidak ditetapkan.

Dewan ditangguhkan pada pukul 7.13 malam.